

No. Syarikat

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA KEWANGAN BERKANUN

31 DISEMBER 2011

2067A2/zu

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

KANDUNGAN

	MUKASURAT
LAPORAN PENGARAH	1 - 7
KENYATAAN PENGARAH	8
AKUAN BERKANUN	8
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS	9 - 10
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN	11
PENYATA PENDAPATAN	12
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF	13
PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI	14
PENYATA ALIRAN TUNAI	15 - 16
NOTA PADA PENYATA KEWANGAN	17 - 77

No. Syarikat

149520

U

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**LAPORAN PENGARAH**

Dengan sukacitanya, para pengarah mengemukakan laporan mereka berserta penyata kewangan teraudit Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 kepada para ahli.

**AKTIVITI UTAMA**

Syarikat terlibat secara utamanya dalam pengunderaitan semua kelas perniagaan insurans am. Tiada perubahan besar dalam aktiviti bagi tahun berkenaan.

**KEPUTUSAN KEWANGAN**

	RM'000
Keuntungan bagi tahun berkenaan	103,259

**DIVIDEN**

Tiada dividen dibayar atau diisytihar oleh Syarikat sejak akhir tahun terdahulu.

Para pengarah tidak mengesyorkan sebarang pembayaran dividen berhubung tahun semasa.

**RIZAB DAN PERUNTUKAN**

Semua pindahan ketara ke atau dari rizab dan peruntukan semasa tahun berkenaan didedahkan dalam nota pada penyata kewangan.

**LIABILITI INSURANS**

Sebelum penyata kewangan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa terdapat peruntukan yang mencukupi untuk liabiliti insurans menurut kaedah penilaian seperti yang ditetapkan dalam Bahagian D Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko ("Rangka Kerja RBC") yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") untuk penanggung insurans.

**PERUNTUKAN UNTUK KEMEROSOTAN**

Sebelum penyata kewangan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menentukan bahawa tindakan yang betul telah diambil berhubung dengan kemerosotan penuh hutang lapuk dan penyediaan peruntukan untuk kemerosotan dan berpuashati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah diperuntukkan sepenuhnya dan bahawa peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang ragu.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menyebabkan amaun hutang lapuk yang telah disusutkan atau amaun yang diperuntukkan untuk kemerosotan dalam penyata kewangan Syarikat sebagai jauh tidak mencukupi.

No. Syarikat

149520

U

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)**

**ASET SEMASA**

Sebelum penyata kewangan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa yang tidak berkemungkinan untuk terealis dalam perjalanan biasa perniagaan, nilai-nilainya seperti yang ditunjukkan dalam rekod perakaunan Syarikat telah diturun nilai kepada suatu amaun yang mungkin dijangka boleh terealis.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang boleh menyebabkan nilai-nilai yang dikaitkan dengan aset-aset semasa dalam penyata kewangan Syarikat sebagai mengelirukan.

**KAEDAH PENILAIAN**

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang telah timbul yang menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian sedia ada ke atas aset atau liabiliti Syarikat sebagai mengelirukan atau tidak sesuai.

**KONTINGEN DAN LIABILITI LAIN**

Pada tarikh laporan ini, tiada wujud:

- (a) sebarang cagaran pada aset Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun berkenaan yang menjamin liabiliti mana-mana orang lain, atau
- (b) sebarang liabiliti kontingen lain berkaitan Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun berkenaan.

Tiada kontingen atau liabiliti lain Syarikat yang telah menjadi boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan untuk menjadi boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun berkenaan yang, pada pendapat para pengarah, akan atau mungkin menjejaskan dengan teruk keupayaan Syarikat untuk memenuhi obligasinya apabila perlu.

Bagi tujuan perenggan ini, kontingen atau liabiliti lain tidak termasuk liabiliti hasil daripada kontrak insurans yang diunderait dalam perjalanan biasa perniagaan Syarikat.

**PERUBAHAN KEADAAN**

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan, yang belum ditangani dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat yang akan menyebabkan mana-mana amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan sebagai mengelirukan.

No. Syarikat

149520

U

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)**

**PERKARA-PERKARA BERSIFAT LUARBIASA**

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Syarikat pada sepanjang tahun berkenaan tidak terjejas secara teruk oleh sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa yang bersifat ketara atau luarbiasa.

Pada waktu selang antara akhir tahun berkenaan dengan tarikh laporan ini, tiada timbul sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa yang bersifat ketara atau luarbiasa yang, pada pendapat para pengarah, berkemungkinan untuk menjejaskan dengan teruk keputusan operasi Syarikat bagi tahun laporan ini dibuat.

**SAHAM MODAL**

Tiada saham baru diterbitkan oleh Syarikat semasa tahun berkenaan.

**URUS TADBIR SYARIKAT**

Syarikat telah mematuhi semua keperluan preskriptif, dan menerima pakai amalan-amalan pengurusan yang konsisten dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan di bawah JPI/GPI 25 (Disatukan): Rangka Kerja Berhemat Urus Tadbir Syarikat bagi Penanggung Insurans dan JPI/GPI 1 (Disatukan): Piawai Minimum bagi Pengurusan Berhemat Penanggung Insurans, yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM").

Demi mematuhi JPI/GPI 1 (Disatukan): Piawai Minimum bagi Pengurusan Berhemat Penanggung Insurans, Lembaga Pengarah ("Lembaga") telah menubuhkan empat jawatankuasa kecil sebagaimana yang dinyatakan di bawah:

Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Tanggungjawab utama Jawatankuasa ialah untuk mengesyor suatu rangka kerja pengurusan risiko, dari segi strategi, dasar dan toleransi risiko, bagi kelulusan Lembaga dan juga untuk menyediakan satu penilaian menyeluruh terhadap kecukupan infrastruktur pelaporan risiko Syarikat yang termasuk sumber dan sistem sokongan, dalam menggalakkan budaya pengurusan risiko yang pro-aktif.

Jawatankuasa terdiri daripada dua orang pengarah bebas bukan-eksekutif dan seorang pengarah bukan-eksekutif bukan bebas. Mereka ialah Teh Boon Eng, Shingo Toda dan Dato' Ahmad Fuaad bin Mohd Dahalan.

Empat mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko telah diadakan semasa tahun berkenaan dengan kehadiran penuh para pengarah.

No. Syarikat

149520

U

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)**

**URUS TADBIR SYARIKAT (SAMBUNGAN)**

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (sambungan)

Rangka kerja pengurusan risiko Syarikat terdiri daripada sebuah proses yang sedang dilaksanakan bagi tujuan mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko-risiko besar yang dihadapi oleh Syarikat menerusi fungsi pengurusan dan kawalan dalaman yang ditetapkan, yang merangkumi semua peringkat kakitangan dan proses perniagaan untuk memastikan operasi Syarikat dijalankan secara berkesan dan cekap serta melindungi aset Syarikat dan kepentingan pihak-pihak berkepentingan. Proses ini disokong oleh sebuah sistem maklumat yang boleh dipercayai yang meliputi semua aktiviti penting. Penilaian yang berterusan terhadap keberkesanan dan kecukupan kawalan dalaman, yang termasuk pemeriksaan bebas ke atas kawalan-kawalan tersebut oleh fungsi audit dalaman, memastikan tindakan pembetulan, jika perlu, diambil tepat pada masanya.

Jawatankuasa Audit

Tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit ialah untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab berkanunnya berkaitan amalan-amalan perakaunan dan pelaporan Syarikat serta keberkesanan kawalan-kawalan dalaman yang disediakan oleh pihak Pengurusan. Jawatankuasa Audit berfungsi atas Terma Rujukan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, dengan memegang tugas dan tanggungjawab utama berikut:

- a) untuk mengkaji dan meluluskan rancangan, skop dan laporan audit oleh juruaudit dalaman dan luaran tentang penilaian mereka ke atas sistem kawalan dalaman Syarikat;
- b) untuk mengkaji keputusan audit dan sama ada tindakan sewajarnya telah diambil terhadap syor-syor yang disaran oleh juruaudit luar dan dalaman;
- c) untuk menilai kualiti audit yang dilaksanakan oleh juruaudit luar and membuat syor mengenai pelantikan, penamatan perkhidmatan dan imbuhan mereka, dan untuk mempertimbang pencalonan seseorang atau beberapa orang sebagai juruaudit luar;
- d) untuk memberi jaminan bahawa maklumat kewangan yang dibentangkan oleh pihak pengurusan adalah relevan, boleh dipercayai dan tepat pada masanya;
- e) untuk menyelia pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang relevan dan pematuhan tatakelakuan yang betul dan
- f) untuk menentukan kualiti, kecukupan dan keberkesanan suasana kawalan dalaman Syarikat.

Jawatankuasa tersebut terdiri daripada 3 orang pengarah bebas bukan-eksekutif. Mereka adalah Teh Boon Eng, Emeritus Profesor Dato' Dr Lian Chin Boon dan Dato' Ahmad Fuaad Bin Mohd Dahalan.

Sebanyak 6 mesyuarat Jawatankuasa Audit telah diadakan sepanjang tahun, dengan kehadiran penuh oleh para pengarah.

No. Syarikat

149520

U

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)**

**URUS TADBIR SYARIKAT (SAMBUNGAN)**

Jawatankuasa Pencalonan

Tanggungjawab utama Jawatankuasa ini ialah untuk memastikan Lembaga Pengarah terdiri daripada anggota yang memiliki kecekapan teknikal yang diperlukan, profesionalisme, campuran kemahiran dan terdapat imbalan antara pengarah eksekutif, pengarah bukan-eksekutif dan pengarah bebas untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan tanggungjawab Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa ini juga membuat syor tentang pelantikan, kenaikan pangkat dan penyingkiran pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan Penasihat Teknikal, dan menyediakan penilaian terhadap prestasi dan sumbangan individu mereka kepada Syarikat secara menyeluruh.

Jawatankuasa terdiri daripada dua orang pengarah bebas bukan-eksekutif, dua orang pengarah bukan bebas bukan-eksekutif dan seorang pengarah eksekutif bukan bebas. Mereka ialah Teh Boon Eng, Shingo Toda, Hironari Iwakuma, Dato' Ahmad Fuaad bin Mohd Dahalan dan Lee King Chi, Arthur.

Sebanyak empat mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan telah diadakan pada sepanjang tahun, yang mana dua orang pengarah tidak dapat hadir satu mesyuarat setiap seorang kerana terikat dengan komitmen lain.

Pada tarikh laporan ini, Lembaga Pengarah terdiri daripada enam anggota, yang mana lima daripadanya adalah pengarah bukan-eksekutif. Semua anggota Lembaga Pengarah memiliki kelayakan dan pengalaman yang diperlukan dalam semua aspek material sebuah perniagaan insurans untuk memastikan secara berkesan agar Syarikat beroperasi di bawah standard profesionalisme yang tertinggi.

Sebanyak enam mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sepanjang tahun yang mana dua orang pengarah tidak dapat hadir satu mesyuarat setiap seorang disebabkan terikat dengan komitmen lain.

Jawatankuasa Imbuan

Tanggungjawab utama Jawatankuasa ini ialah untuk menentukan dan mengesyorkan kepada Lembaga pengarah struktur dan dasar imbuan, termasuk terma pekerjaan atau kontrak perkhidmatan bagi pengarah eksekutif, Ketua Pegawai Eksekutif, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan Penasihat Teknikal, dan untuk memastikan kaitan yang kukuh dikekalkan antara tahap imbuan dan prestasi individu dengan sasaran yang dipersetujui ke atas jumlah pakej imbuan.

Jawatankuasa terdiri daripada dua orang pengarah bebas bukan-eksekutif dan seorang pengarah bukan-eksekutif bukan bebas. Mereka ialah Teh Boon Eng, Shingo Toda dan Dato' Ahmad Fuaad bin Mohd Dahalan.

Sebanyak empat mesyuarat Jawatankuasa Imbuan telah diadakan sepanjang tahun, yang mana seorang pengarah tidak dapat hadir disebabkan terikat dengan komitmen lain.

No. Syarikat

149520

U

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)**

**PENGARAH DAN KEPENTINGAN MEREKA DALAM SAHAM**

Para pengarah yang telah memegang jawatan sejak dari tarikh laporan terdahulu adalah seperti berikut:

Teh Boon Eng  
Emeritus Profesor Dato' Dr Lian Chin Boon  
Dato' Ahmad Fuaad bin Mohd Dahalan  
Takashi Yoshikawa (letak jawatan pada 22 Jun 2011)  
Hironari Iwakuma  
Lee King Chi, Arthur  
Shingo Toda (dilantik pada 12 Disember 2011)

Mengikut Tataurusian Persatuan Syarikat, Dato' Ahmad Fuaad bin Mohd Dahalan dan Emeritus Profesor Dato' Dr Lian Chin Boon akan bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, dan oleh kerana layak, mereka menawarkan diri untuk pelantikan semula.

Menurut daftar pemegangan saham pengarah, tiada seorang pun pengarah yang berkhidmat sehingga akhir tahun memegang sebarang kepentingan dalam saham atau dalam debentur Syarikat atau perbadanan-perbadanan berkaitnya, melainkan seperti berikut:

	Pemegangan didaftarkan <u>atas nama pengarah</u>	
	Pada 1.1.2011 atau tarikh pelantikan	Pada jika kemudian
<b>Anak syarikat Syarikat Pemegangan utama - Asia General Holding Limited</b> <b><u>(Bil. saham biasa)</u></b>		
Lee King Chi Arthur (sebagai penama Tokio Marine & Nichido Fire Insurance Co. Ltd)	1	1
Shingo Toda (sebagai penama Tokio Marine & Nichido Fire Insurance Co. Ltd)	1	-

**MANFAAT PENGARAH**

Pada sepanjang dan akhir tahun berkenaan, tiada perkiraan wujud yang mana Syarikat berpihak dengan tujuan untuk membolehkan para pengarah memperoleh manfaat dengan cara pemerolehan saham atau debentur Syarikat atau badan-badan pertubuhan lain.



No. Syarikat

149520

U

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)**

**MANFAAT PENGARAH (SAMBUNGAN)**

Sejak akhir tahun terdahulu, tiada pengarah Syarikat telah menerima atau menjadi layak untuk menerima sebarang manfaat (selain daripada imbuhan pengarah dan manfaat barangan seperti yang ditunjuk dalam nota pada penyata kewangan Syarikat ini, Tokio Marine Asia Pte. Ltd., sebagai syarikat pemegang Syarikat ini dan Tokio Marine and Nichido Fire Insurance Company Limited, sebagai sebuah anak syarikat kepada syarikat pemegang utama Syarikat ini) atas sebab kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau perbadanan yang berkaitan dengan pengarah atau dengan firma yang dianggotainya, atau dengan syarikat yang ia mempunyai kepentingan kewangan yang besar di dalamnya.

**SYARIKAT PEMEGANGAN UTAMA**

Para pengarah menganggap Tokio Marine Holdings Inc., sebuah syarikat yang diperbadankan di Jepun, sebagai syarikat pemegang utama Syarikat.

**JURUAUDIT**

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk terus berkhidmat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi mereka yang bertarikh 23 Mac 2012.

**TEH BOON ENG**  
**PENGARAH**

**HIRONARI IWAKUMA**  
**PENGARAH**

Kuala Lumpur

No. Syarikat

149520

U

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**KENYATAAN OLEH PARA PENGARAH**  
**MENURUT SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965**

Kami, Teh Boon Eng dan Hironari Iwakuma, sebagai dua orang pengarah Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad, menyatakan bahawa, pada pendapat kami, penyata kewangan yang dibentangkan di halaman 11 hingga 77 disediakan agar memberi gambaran yang benar dan saksama tentang keadaan Syarikat pada 31 Disember 2011 serta keputusan dan aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawai Pelaporan Kewangan ("FRS"), sebagai Piawai Perakaunan Yang Diluluskan di Malaysia oleh Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia ("MASB") bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi mereka yang bertarikh 23 Mac 2012

TEH BOON ENG  
PENGARAH

HIRONARI IWAKUMA  
PENGARAH

**AKUAN BERKANUN**  
**MENGIKUT SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965**

Saya, Heng Kiah Ngan, sebagai Ketua Pegawai Eksekutif yang bertanggungjawab secara utamanya bagi pengurusan kewangan Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad, dengan sungguh dan suci hatinya mengaku bahawa penyata kewangan yang dinyatakan pada halaman 11 hingga 77 adalah, pada pendapat saya, betul, dan saya membuat pengakuan yang bersungguh-sungguh ini dengan mempercayai secara sedar bahawa penyata kewangan tersebut adalah benar, dan menepati peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

HENG KIAH NGAN

Ditandatangani dan diakui dengan bersungguh-sungguhnya oleh Heng Kiah Ngan yang disebut di atas di Kuala Lumpur di Malaysia pada 23 Mac 2012.

Dihadapan saya,

MOHAMED PUDZIL BIN HAJI MOHD WAHI  
PESURUHJAYA SUMPAAH

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS  
KEPADA AHLI-AHLI TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)  
(No. Syarikat 149520 U)

LAPORAN TERHADAP PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2011, dan penyata-penyata pendapatan, pendapatan komprehensif lain, perubahan dalam ekuiti dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan nota-nota penjelasan lain, seperti yang dinyatakan dalam Nota 1 hingga 31.

Tanggungjawab Para Pengarah terhadap Penyata kewangan

Para pengarah Syarikat bertanggungjawab bagi penyediaan sebuah penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut Piawai Pelaporan Kewangan, sebagai Piawai Perakaunan Kelulusan MASB di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan bertanggungjawab bagi kawalan-kawalan dalaman yang ditentukan sebagai perlu oleh para pengarah untuk membolehkan penyediaan sebuah penyata kewangan yang bebas daripada sebarang salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami ialah untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami menjalankan audit kami menurut piawai pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawai-piawai tersebut memerlukan kami mematuhi keperluan etika dan merancang serta melaksanakan audit agar memperoleh jaminan yang munasabah bahawa penyata kewangan itu adalah bebas daripada sebarang salah nyata yang ketara.

Sebuah audit melibatkan pelaksanaan beberapa prosedur untuk memperoleh bukti audit berkenaan amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih bergantung pada pertimbangan kami, termasuk penilaian terhadap risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan itu, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Ketika membuat penilaian risiko tersebut, kami mengambil kira kawalan dalaman yang relevan bagi Syarikat untuk menyediakan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama agar dapat mencipta prosedur-prosedur audit yang sesuai mengikut keadaan, tetapi bukan bagi tujuan menyatakan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Sebuah audit juga termasuk menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang telah diguna dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh para pengarah, serta menilai keseluruhan pembentangan penyata kewangan yang berkenaan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami peroleh adalah memadai dan sesuai untuk memberi suatu asas bagi pendapat audit kami.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI  
TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD (SAMBUNGAN)  
(Diperbadankan di Malaysia)  
(No. Syarikat 149520 U)

LAPORAN TERHADAP PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan berkenaan telah disediakan dengan betul menurut Piawai Pelaporan Kewangan, sebagai Piawai Perakaunan Yang Diluluskan MASB di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965 untuk memberi sebuah gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2011 dan tentang prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

LAPORAN TENTANG KEPERLUAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN

Mengikut keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa, pada pendapat kami, rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar yang diperlukan oleh Akta itu untuk disimpan oleh Syarikat telah disimpan dengan betul mengikut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

HAL-HAL LAIN

Laporan ini dibuat semata-mata untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, mengikut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk apa-apa tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana orang bagi kandungan laporan ini.

PRICEWATERHOUSECOOPERS  
(No. AF: 1146)  
Akauntan Berpiagam

SRIDHARAN NAIR  
(No. 2656/05/12 (J))  
Akauntan Berpiagam

Kuala Lumpur  
23 Mac 2012

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2011

	<u>Nota</u>	<u>31.12.2011</u> RM'000	<u>31.12.2010</u> RM'000
<b>ASET</b>			
Harta, loji dan peralatan	4	14,840	16,874
Aset tidak ketara	5	26,930	26,930
Pelaburan	6	665,784	688,374
Dipegang hingga matang		55,784	80,964
Sedia dijual		532,314	524,516
Nilai saksama menerusi untung dan rugi		77,686	82,894
Aset insurans semula	7	166,000	159,512
Insurans belum terima	8	116,707	86,466
Pinjaman dan belum terima (tidak termasuk insurans belum terima)	9	611,939	485,370
Baki tunai dan bank		25,829	31,015
<b>Jumlah Aset</b>		<b>1,628,029</b>	<b>1,494,541</b>
<b>EKUITI, DANA UMUM DAN LIABILITI</b>			
Modal saham	10	278,000	278,000
Perolehan tertahan	11	333,913	230,654
Rizab lain	12	9,966	8,082
<b>Jumlah Ekuiti</b>		<b>621,879</b>	<b>516,736</b>
Liabiliti kontrak insurans	13	868,758	845,561
Liabiliti cukai tertunda	14	6,290	5,850
Liabiliti kewangan lain	15	10,865	1,393
Insurans belum bayar	16	69,536	77,830
Cukai belum bayar		11,815	7,219
Belum bayar lain	17	38,886	39,952
<b>Jumlah Liabiliti</b>		<b>1,006,150</b>	<b>977,805</b>
<b>Jumlah Ekuiti dan Liabiliti</b>		<b>1,628,029</b>	<b>1,494,541</b>

Nota sertaan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

No. Syarikat

149520

U

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PENDAPATAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

	<u>Nota</u>	<u>2011</u> RM'000	<u>2010</u> RM'000
HASIL KENDALIAN	18	<u>786,648</u>	<u>730,201</u>
Premium terperoleh kasar	19(a)	745,126	693,316
Premium disid kepada penanggung insurans semula	19(b)	<u>(149,442)</u>	<u>(131,807)</u>
<b>PREMIUM TERPEROLEH BERSIH</b>		<u>595,684</u>	<u>561,509</u>
Pendapatan pelaburan	20	41,522	36,885
Laba dan kerugian terealis	21	(2,298)	289
Nilai saksama laba dan kerugian		6,319	14,506
Pendapatan fi dan komisyen		<u>36,525</u>	<u>29,444</u>
<b>HASIL LAIN</b>		<u>82,068</u>	<u>81,124</u>
Tuntutan kasar dibayar		(421,768)	(438,268)
Tuntutan disid kepada penanggung insurans semula		54,446	63,276
Perubahan kasar pada liabiliti kontrak insurans		14,176	2,946
Perubahan dalam liabiliti kontrak insurans disid kepada penanggung insurans semula		<u>2,096</u>	<u>(415)</u>
<b>TUNTUTAN BERSIH DITANGGUNG</b>		<u>(351,050)</u>	<u>(372,461)</u>
Pendapatan/(perbelanjaan) operasi lain	22	1,469	(4,114)
Perbelanjaan fi dan komisyen		(88,408)	(78,336)
Perbelanjaan pengurusan	23	<u>(106,191)</u>	<u>(98,711)</u>
<b>PERBELANJAAN LAIN</b>		<u>(193,130)</u>	<u>(181,161)</u>
<b>KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI</b>		133,572	89,011
Cukai	24	<u>(30,313)</u>	<u>(22,540)</u>
<b>KEUNTUNGAN BAGI TAHUN</b>		<u>103,259</u>	<u>66,471</u>
<b>PEROLEHAN ASAS SESAHAM (SEN)</b>	25	<u>37</u>	<u>24</u>

Nota sertaan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

	<u>Nota</u>	<u>2011</u> RM'000	<u>2010</u> RM'000
Keuntungan bagi tahun		103,259	66,471
Pendapatan komprehensif lain:			
(Defisit)/lebih penilaian semula yang timbul dalam tahun		(280)	1,120
Rizab sedia dijual			
Laba bersih ke atas nilai saksama yang timbul sepanjang tahun	6	2,732	3,965
Laba/(kerugian) bersih dipindah ke Penyata Pendapatan	6	12	(280)
		<u>2,744</u>	<u>3,685</u>
Kesan cukai ke atasnya	14	(580)	(106)
		<u>2,164</u>	<u>3,579</u>
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		<u>105,143</u>	<u>71,170</u>

Nota sertaan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

No. Syarikat

149520	U
--------	---

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

		<u>Tak boleh diagih</u>		<u>Boleh diagih</u>	
	<u>Modal saham</u> RM'000	<u>Rizab penilaian semula</u> RM'000	<u>Rizab sedia dijual</u> RM'000	<u>Perolehan tertahan</u> RM'000	<u>Jumlah</u> RM'000
<b>Pada 1 Januari 2010</b>	278,000	717	2,666	164,183	445,566
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	1,120	3,579	66,471	71,170
<b>Pada 31 Disember 2010</b>	<u>278,000</u>	<u>1,837</u>	<u>6,245</u>	<u>230,654</u>	<u>516,736</u>
<b>Pada 1 Januari 2011</b>	278,000	1,837	6,245	230,654	516,736
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	(280)	2,164	103,259	105,143
<b>Pada 31 Disember 2011</b>	<u>278,000</u>	<u>1,557</u>	<u>8,409</u>	<u>333,913</u>	<u>621,879</u>

Nota sertaan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.



No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

	<u>2011</u> RM'000	<u>2010</u> RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KENDALIAN		
Keuntungan bagi tahun	103,259	66,471
Pelarasan:		
Harta, loji dan peralatan		
- susut nilai	5,501	5,541
- (laba)/kerugian daripada pelupusan	(4)	531
- hapus kira	22	48
Laba nilai saksama atas aset kewangan pada FVTPL	(6,319)	(14,506)
Tokokan diskaun	(61)	(174)
Kerugian daripada pelupusan aset kewangan pada FVTPL	2,290	522
Kerugian/(laba) daripada pelupusan aset kewangan AFS	15	(376)
Pendapatan pelaburan	(41,460)	(40,611)
Masuk kira semula peruntukan untuk hutang ragu	(597)	(347)
Hapus kira hutang ragu	405	122
Perbelanjaan cukai	30,313	22,540
	<hr/>	<hr/>
Keuntungan daripada kendalian sebelum perubahan dalam aset dan liabiliti kendalian	93,364	39,761
Pembelian pelaburan	(50,599)	(62,532)
Hasil daripada pelupusan pelaburan	39,622	79,632
Hasil daripada kematangan pelaburan	39,750	21,399
Peningkatan dalam deposit tetap dan panggilan	(116,399)	(73,252)
Peningkatan dalam insurans dan belum terima lain	(41,549)	(28,989)
Peningkatan/(penurunan) dalam liabiliti bersih kontrak insurans	16,559	(3,297)
Peningkatan dalam insurans dan belum bayar lain	112	6,029
Penurunan dalam pinjaman kakitangan	215	1,344
	<hr/>	<hr/>
	(18,925)	(19,905)
Cukai dibayar	(26,074)	(9,942)
Pendapatan pelaburan diterima:		
- Faedah	24,744	16,499
- Dividen	18,429	18,364
- Lain-lain	126	120
	<hr/>	<hr/>
Tunai bersih (diguna dalam)/dijana daripada aktiviti kendalian	(1,700)	5,136
	<hr/>	<hr/>

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)

	<u>2011</u> RM'000	<u>2010</u> RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian harta, loji dan peralatan	(3,493)	(3,978)
Hasil daripada pelupusan harta, loji dan peralatan	<u>7</u>	<u>706</u>
Aliran keluar tunai bersih daripada aktiviti pelaburan	<u>(3,486)</u>	<u>(3,272)</u>
 (PENURUNAN)/PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI	 (5,186)	 1,864
 TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 1 JANUARI	 <u>31,015</u>	 <u>29,151</u>
 TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 31 DISEMBER	 <u>25,829</u>	 <u>31,015</u>
 Baki tunai dan bank	 <u>25,829</u>	 <u>31,015</u>

Nota sertaan adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan ini.

No. Syarikat

149520

U

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011**

**1 AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT AM**

Syarikat terlibat secara utamanya dalam menaja jamin semua kelas perniagaan insurans am. Tiada perubahan ketara dalam sifat aktiviti ini pada sepanjang tahun.

Syarikat ialah sebuah syarikat awam liabiliti berhad, yang diperbadankan dan berpangkalan di Malaysia.

Pejabat berdaftar Syarikat terletak di:

Aras 8, Symphony House, Block D13, Pusat Dagangan Dana 1,  
Jalan PJU 1A/46, 47301 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

Tempat perniagaan utama Syarikat terletak di:

Tingkat 29 – 31, Menara Dion  
27 Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur

Para Pengarah menganggap Tokio Marine Holdings Inc. sebuah syarikat yang diperbadankan di Jepun, sebagai syarikat pemegang utama Syarikat.

Penyata kewangan ini telah dibenarkan untuk diterbitkan oleh Lembaga Pengarah mengikut resolusi para Pengarah bertarikh 23 Mac 2012.

**2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING**

Melain jika dinyatakan sebaliknya, dasar-dasar perakaunan berikut telah diguna secara konsisten dalam menangani perkara-perkara yang dianggap material berkaitan dengan penyata kewangan.

**(a) Asas penyediaan penyata kewangan**

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan mengikut konvesyen kos sejarah kecuali apa yang didedahkan dalam ringkasan dasar-dasar perakaunan penting ini. Penyata kewangan mematuhi Piawai Pelaporan Kewangan ("FRS"), sebagai Piawai Perakaunan Yang Diluluskan MASB di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian, dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Penyata kewangan Syarikat juga telah disediakan atas asas kos sejarah, kecuali bagi instrumen-instrumen kewangan yang telah diukur pada asas nilai saksamanya dan pada anggaran liabiliti insurans mengguna kaedah seperti yang ditetapkan dalam Bahagian D Rangkakerja RBC bagi penanggung insurans yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM").

Penyediaan penyata kewangan yang menepati FRS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan yang kritikal serta andaian yang menjejaskan amaun aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti kontingen pada tarikh kedudukan kewangan itu, dan amaun hasil dan perbelanjaan semasa tempoh yang dilaporkan. Ia juga memerlukan para pengarah untuk melaksanakan penilaian mereka dalam proses penggunaan dasar-dasar perakaunan Syarikat. Walaupun anggaran dan penilaian ini

No. Syarikat

149520

U

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)**

**2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**(a) Asas penyediaan penyata kewangan (sambungan)**

berdasarkan pengetahuan terbaik para pengarah tentang peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berlainan daripada anggaran tersebut.

Tiada bahagian anggaran ketidakpastian dan penilaian kritikal dalam penggunaan dasar-dasar perakaunan telah memberi kesan ketara ke atas amaun teriktiraf dalam penyata kewangan selain daripada apa yang didedahkan dalam Nota 3 pada penyata kewangan.

Pada tahun kewangan semasa, Syarikat telah mengguna pakai piawai perakaunan baru, pindaan dan peningkatan kepada piawai dan intepretasi tersiar yang berkesan kepada tahun kewangan Syarikat bermula pada atau selepas 1 Januari 2011, seperti berikut:

- 1) FRS 1 Semakan: Pemakaian Kali Pertama Piawai Pelaporan Kewangan
- 2) Pindaan kepada FRS 132 Instrumen Kewangan: Perbentangan – Klasifikasi Terbitan Hak
- 3) Pindaan kepada FRS 1: Pemakaian Kali Pertama Penyata kewangan
- 4) FRS 3: Gabungan Perniagaan (Semakan)
- 5) Intepretasi IC 16, FRS 2 – Perlindungan Nilai Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing
- 6) Intepretasi IC 17, Pengagihan Aset Bukan-tunai kepada Pemilik
- 7) Pindaan kepada FRS 7, Instrumen Kewangan: Pendedahan – Meningkatkan Pendedahan tentang Instrumen Kewangan
- 8) Intepretasi IC 4, Menentukan sama ada suatu Perkiraan mengandungi Pajakan
- 9) Intepretasi IC 12, Perkiraan konsesi perkhidmatan
- 10) Intepretasi IC 18, Pindahan aset daripada pelanggan
- 11) FRS 127 Semakan: Penyata kewangan disatukan dan berasingan
- 12) Pindaan kepada FRS 2: Bayaran berasaskan saham – Urusniaga bayaran berasaskan saham diselesaikan secara tunai Kumpulan
- 13) Perbaikan kepada FRS (2010)

Pemakaian piawai-piawai, pindaan-pindaan atau intepretasi yang berkenaan di atas tidak memberi kesan yang besar kepada keputusan kewangan Syarikat dan dasar-dasar perakaunan yang sedia ada.

No. Syarikat

149520

U

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)**

**2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

(a) Asas penyediaan penyata kewangan (sambungan)

Pada tahun kewangan yang berikutnya, Syarikat akan mengguna pakai rangka kerja patuh-IFRS baru, Piawai Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"). MFRS 1 "Pemakaian Kali Pertama MFRS" memberi pengecualian pilihan tertentu dan pengecualian mandatori tertentu kepada pengguna kali pertama MFRS.

Pada peringkat perancangan, Syarikat telah menyiapkan kajian semulanya terhadap keperluan MFRS. Oleh kerana tiada penukaran genting telah dikenal pasti, tidak terdapat kesan ketara daripada pemakaian MFRS. MFRS tersebut termasuk yang berikut yang berkenaan dan relevan kepada Syarikat tetapi belum lagi berkuatkuasa:

(i) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2012

- MFRS 124 Semakan "Pendedahan pihak berkait" (berkuatkuasa dari 1 Januari 2012) menyingkir pengecualian untuk mendedahkan urusan antara entiti berkait kerajaan dengan kerajaan, dan semua entiti berkait kerajaan lain. Pendedahan baru berikut kini diperlukan untuk entiti berkait kerajaan:
  - Nama kerajaan dan sifat hubungan mereka;
  - Sifat dan amaun setiap urusan penting; dan
  - Tahap sebarang urusan kolektif penting, secara kualiti atau kuantiti.

Syarikat akan mengguna piawai ini daripada tempoh kewangan bermula 1 Januari 2012.

- Pindaan kepada MFRS 112 "Cukai pendapatan" (berkuat kuasa dari 1 Januari 2012) memperkenalkan pengecualian kepada prinsip sedia ada bagi pengukuran aset atau liabiliti cukai tertunda yang berbangkit daripada pelaburan harta yang diukur pada nilai saksama. Ketika ini MFRS 112 memerlukan sebuah entiti untuk mengukur cukai tertunda berkaitan sesuatu aset bergantung sama ada entiti itu menjangka mendapat kembali baki aset itu menerusi penggunaan atau jualan. Barangkali akan menjadi sukar dan subjektif untuk menilai sama ada pemulihan akan diperoleh menerusi penggunaan atau jualan apabila aset itu diukur mengguna model nilai saksama dalam MFRS 140 "Pelaburan harta". Akibat daripada pindaan-pindaan itu, Interpretasi IC 121 "Cukai pendapatan – pemulihan aset tidak boleh susut nilai yang dinilai semula" tidak lagi berkaitan dengan baki harta pelaburan pada nilai saksama. Pindaan-pindaan tersebut juga menggabungkan ke dalam MFRS 112 panduan selebihnya yang terdahulu terkandung dalam Interpretasi IC 121 yang telah dikeluarkan.

Syarikat akan mengguna pakai piawai ini bagi tempoh kewangan bermula 1 Januari 2012.

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)**

**2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

(a) Asas penyediaan penyata kewangan (sambungan)

(ii) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2013

- MFRS 9 “Instrumen kewangan - klasifikasi dan pengukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan” (berkuat kuasa dari 1 Januari 2015) mengganti pelbagai klasifikasi dan model pengukuran dalam MFRS 139 dengan satu model tunggal yang hanya mempunyai dua kategori klasifikasi: kos terlunas dan nilai saksama. Asas klasifikasi bergantung pada model perniagaan entiti tersebut bagi mengurus aset kewangan dan ciri-ciri aliran tunai berkontrak aset kewangan itu.

Perakaunan dan pembentangan untuk liabiliti kewangan dan untuk de-pengiktirafan alat-alat kewangan telah berpindah dari MFRS 139, tanpa perubahan, kecuali untuk liabiliti kewangan yang ditentukan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi (“FVTPL”). Entiti-entiti yang mempunyai liabiliti kewangan yang ditentukan pada FVTPL mengiktiraf perubahan dalam nilai saksama disebabkan oleh perubahan dalam risiko kredit liabiliti itu secara langsung dalam pendapatan komprehensif lain (“OCI”) . Tiada kitaran semula seterusnya dalam amaun OCI ke untung atau rugi, tetapi laba atau kerugian terkumpul boleh dipindahkan di dalam ekuiti.

Panduan dalam MFRS 139 tentang kejelasan aset kewangan dan perakaunan lindung nilai terus diguna.

- MFRS 13 “Pengukuran nilai saksama” (berkuatkuasa dari 1 Januari 2013) bertujuan untuk meningkatkan ketekalan dan mengurangkan kerumitan dengan memberi definisi tepat tentang nilai saksama dan sumber tunggal bagi pengukuran nilai saksama dan keperluan-keperluan pendedahan bagi kegunaan pada seluruh MFRS. Keperluan-keperluan itu tidak memanjangkan penggunaan perakaunan nilai saksama tetapi memberi panduan tentang cara ia patut dipakai apabila penggunaannya menjadi perlu atau dibenarkan oleh piawai-piawai lain. Keperluan pendedahan yang dipertingkatkan adalah serupa dengan terdapat dalam MFRS 7 “Instrumen kewangan: Pendedahan”, tetapi terpakai pada semua aset dan liabiliti yang diukur pada nilai saksama, bukan pada aset dan liabiliti kewangan sahaja. Syarikat akan mengguna pakai piawai ini bagi tempoh kewangan yang bermula pada 1 Januari 2013.
- Pindaan kepada MFRS 1 “Pemakaian kali pertama pada tarikh tetap dan inflasi melampau” (berkuatkuasa dari 1 Julai 2011) termasuk dua perubahan kepada MFRS 1. Yang pertama mengganti rujukan kepada tarikh tetap 1 Januari 2004 dengan tarikh peralihan kepada MFRS, yang dengannya menghapus keperluan bagi entiti-entiti untuk mengguna pakai MFRS untuk pertama kalinya bagi menyata semula urusaniaga de-pengiktirafan yang berlaku sebelum tarikh peralihan kepada MFRS. Pindaan kedua memberi panduan tentang cara sebuah entiti patut menyambung semula pembentangan penyata kewangan menurut MFRS selepas sesuatu tempoh apabila entiti itu tidak berupaya untuk mematuhi MFRS disebabkan oleh mata wang berfungsinya terdedah pada inflasi melampau yang teruk. Syarikat akan mengguna pakai piawai ini pada tempoh kewangan bermula 1 Januari 2013.

No. Syarikat

149520

U

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)**

**2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

(a) Asas penyediaan penyata kewangan (sambungan)

(ii) Tahun kewangan bermula pada/selepas 1 Januari 2013 (sambungan)

- pindaan kepada MFRS 7 “Instrumen kewangan: Pendedahan tentang pindahan aset kewangan” (berkuatkuasa dari 1 Julai 2011) menggalakkan ketelusan dalam pelaporan urusanniaga pindahan dan untuk mempertingkatkan fahaman pengguna tentang risiko pendedahan berkaitan pindahan aset kewangan dan kesan risiko-risiko itu ke atas kedudukan kewangan entiti, khususnya risiko-risiko yang melibatkan penssekuritan aset kewangan. Syarikat akan mengguna pakai piawai ini bagi tempoh kewangan bermula 1 Januari 2013.
- Pindaan kepada MFRS 101 “Pembentangan penyata kewangan” (berkuatkuasa dari 1 Julai 2012) memerlukan entiti-entiti untuk mengasingkan butiran-butiran yang dibentangkan dalam OCI dalam penyata pendapatan komprehensif kepada dua kumpulan, berdasarkan sama ada ia boleh dikitar semula ke untung atau rugi pada masa depan. Pindaan itu tidak menyentuh butiran-butiran yang mana satu yang dibentangkan dalam OCI. Syarikat akan mengguna pakai piawai ini bagi tempoh kewangan bermula pada 1 Januari 2013.
- Pindaan kepada MFRS 119 “Manfaat pekerja” (berkuatkuasa dari 1 Januari 2013) menyebabkan perubahan penting kepada pengiktirafan dan pengukuran manfaat belanja pencen dan manfaat penamatan kerja yang ditetapkan, dan kepada pendedahan untuk semua manfaat pekerja lain. Laba dan kerugian aktuari tidak lagi akan ditunda mengguna pendekatan koridor. MFRS 119 akan dikeluarkan apabila pindaan ini diguna pakai. Syarikat akan mengguna pakai piawai ini bagi tempoh kewangan bermula pada 1 Januari 2013.

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)**

**2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**(b) Gabungan perniagaan**

Kaedah perakaunan pembelian diguna untuk menjelaskan gabungan perniagaan. Kos sesebuah pemerolehan diukur sebagai nilai saksama aset yang diberi, instrumen-instrumen ekuiti yang dikeluarkan dan liabiliti yang ditanggung atau diandai pada tarikh pertukaran, serta kos yang dikaitkan secara langsung kepada pemerolehan itu. Aset yang boleh dikenal pasti yang diperoleh dan liabiliti dan liabiliti kontingen yang diandai dalam sebuah gabungan perniagaan diukur pada mulanya pada nilai saksamanya pada tarikh pemerolehan. Lebihan kos pemerolehan daripada nilai saksama saham Syarikat dalam aset bersih yang boleh dikenal pasti yang diperoleh pada tarikh pemerolehan ditunjukkan sebagai nama baik. Lihat Nota 2(c) dasar perakaunan tentang nama baik. Jika kos pemerolehan kurang daripada nilai saksama aset bersih yang diperoleh, perbezanya diiktiraf terus dalam penyata pendapatan.

**(c) Ehsan**

Ehsan mewakili lebihan balasan pembelian dan kos berkaitan pemerolehan ke atas agregat nilai saksama aset bersih perniagaan yang diperoleh pada tarikh pemerolehan. Lihat Nota 2(g) dasar perakaunan tentang kejelasan aset bukan kewangan.

Ehsan diuji setiap tahun bagi kejelasan dan disimpan pada kos tolak kerugian kejelasan terkumpul. Kerugian kejelasan pada nama baik tidak diterbalikkan.

Ehsan diperuntukkan kepada unit penjana tunai bagi tujuan ujian kejelasan. Peruntukan dibuat ke atas unit-unit penjana tunai atau ke atas kumpulan-kumpulan unit penjana tunai yang dijangka untuk mendapat manfaat daripada sinergi gabungan perniagaan di mana ehsan timbul, yang dikenal pasti mengikut segmen kendalian.

**(d) Harta, loji dan peralatan**

Harta, loji dan peralatan pada mulanya dinyatakan pada kos. Tanah pemegang pajak dan bangunan kemudiannya ditunjuk pada amaun penilaian semula, berdasarkan penilaian berkala sekurang-kurangnya sekali setiap lima tahun oleh jurunilai bebas luaran, ditolak susut nilai seterusnya dan kerugian kejelasan. Sebarang susut nilai terkumpul pada tarikh penilaian semula dibuang daripada baki di bawa kasar aset, dan amaun bersih dinyatakan semula pada amaun penilaian semula aset tersebut.

Semua harta, loji dan peralatan lain dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kejelasan terkumpul. Kos termasuk perbelanjaan yang dikaitkan secara langsung kepada pemerolehan barang-barang tersebut.

Kos selanjutnya dimasukkan dalam amaun di bawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, sebagaimana yang sesuai, hanya apabila ada kemungkinan manfaat ekonomi masa depan yang dikaitkan dengan barang itu akan mengalir masuk kepada Syarikat dan kos barang tersebut boleh diukur secara pasti. Baik pulih dan penyelenggaraan dicaj kepada penyata pendapatan dalam tempoh ia ditanggung.



**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)**

**2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

(d) Harta, loji dan peralatan (sambungan)

Harta, loji dan peralatan disusut nilai pada asas garisan lurus untuk menghapus kira kos aset itu kepada nilai sisanya ke atas anggaran hayat bergunanya, diringkaskan seperti berikut:

Tanah pemegangan pajak dan bangunan	50 tahun
Perabot dan kemasan	3 - 6 tahun
Kenderaan bermotor	4 tahun
Peralatan pejabat dan komputer	3 - 6 tahun

Nilai sisa dan hayat berguna aset dikaji semula dan diselaraskan, jika sesuai, pada setiap tarikh kunci kira-kira.

Lebih yang berbangkit daripada penilaian semula dikredit kepada rizab penilaian semula menerusi penyata pendapatan komprehensif lain. Sebarang defisit yang timbul daripada penilaian semula dicaj ke atas rizab penilaian semula setakat lebih terdahulu yang dipegang dalam rizab penilaian semula bagi aset yang sama. Dalam semua kes lain, penurunan dalam amaun baki debit dicaj kepada penyata pendapatan pada tempoh kewangan ia ditanggung.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Syarikat juga membuat penilaian sama ada terdapat sebarang tanda kejejasan. Jika tanda-tanda itu wujud, suatu analisa akan dijalankan bagi menilai sama ada amaun di bawa aset itu boleh didapatkan kembali sepenuhnya. Turun nilai dibuat jika amaun di bawa melebihi amaun yang boleh didapati kembali. Lihat Nota 2 (g) dasar perakaunan tentang kejejasan aset bukan kewangan.

Laba dan kerugian daripada pelupusan ditentukan dengan membanding hasil yang mempunyai baki debit dan dikredit atau dicaj kepada penyata pendapatan. Apabila melupuskan aset dinilai semula, amaun dalam rizab yang berkaitan dengan aset itu dipindah ke perolehan tertahan.

(e) Pelaburan dan aset kewangan lain

Syarikat mengelaskan pelaburannya dan aset kewangan lain kepada kategori-kategori berikut: aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi, pegang hingga matang or sedia dijual. Klasifikasi aset kewangan ditentukan semasa pengiktirafan awal.

(i) Nilai saksama menerusi untung atau rugi ("FVTPL")

Aset kewangan pada FVTPL adalah berkaitan aset kewangan yang diperoleh atau ditanggung secara utamanya bagi tujuan jualan atau belian semula pada masa terdekat atau ia menjadi sebahagian daripada portfolio sekuriti dikenal pasti yang diurus secara bersama dan untuknya terdapat bukti baru tentang corak sebenar pengambilan untung berjangka pendek. Aset kewangan pada FVTPL diukur pada nilai saksama dan sebarang laba atau kerugian yang berbangkit daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan. Laba dan depengiktirafan aset kewangan sedemikian diukur sebagai perbezaan antara hasil jualan dengan nilai saksama terselaras terakhir dalam penyata pendapatan.

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)**

**2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

(e) Pelaburan dan aset kewangan lain (sambungan)

(ii) Pegang hingga matang ("HTM")

Aset kewangan HTM adalah aset kewangan dengan bayaran tetap atau yang boleh ditentukan dan tarikh matang tetap yang Syarikat ada niat positif dan keupayaan untuk pegang hingga matang. Aset kewangan HTM diukur pada kos terlunas mengguna kaedah faedah berkesan. Sebarang laba atau kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila aset kewangan itu di nyahiktiraf atau terjejas.

(iii) Pinjaman dan belum terima ("LAR")

LAR adalah aset kewangan bukan-derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga di pasaran aktif. Aset kewangan ini pada mulanya diiktiraf pada kos, sebagai nilai saksama balasan yang dibayar bagi pemerolehan aset kewangan. Semua kos urusan yang berkaitan secara langsung dengan pemerolehan itu dimasukkan juga ke dalam kos aset kewangan. Selepas pengukuran permulaan, pinjaman dan belum terima diukur pada kos terlunas, mengguna kaedah hasil berkesan, ditolak peruntukan untuk kejejasan. Laba dan kerugian diiktiraf dalam untung dan rugi apabila aset kewangan dinyahiktiraf, dan juga menerusi proses pelunasan.

(iv) Sedia dijual ("AFS")

Aset kewangan AFS adalah aset yang tidak diklasifikasi sebagai FVTPL atau HTM atau LAR dan diukur pada nilai saksama. Aset kewangan AFS diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama serta kos urusan yang berkaitan secara langsung dengan pemerolehannya. Selepas pengukuran permulaan, aset kewangan AFS kemudiannya diukur pada nilai saksama. Sebarang laba atau kerugian yang berbangkit daripada perubahan dalam nilai saksama, selepas cukai pendapatan bersih, adalah dilaporkan secara berasingan dalam penyata pendapatan komprehensif dan dilaporkan sebagai komponen ekuiti berasingan sehingga aset kewangan itu di de-klasifikasikan atau ditentukan sebagai terjejas. Apabila aset kewangan itu di de-klasifikasikan atau terjejas, laba atau kerugian kumulatif yang terdahulunya diiktiraf dalam ekuiti akan dipindahkan menerusi penyata pendapatan komprehensif ke penyata pendapatan.

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)**

**2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

(f) Kejejasan aset kewangan

Pada setiap penyata tarikh kedudukan kewangan, Syarikat menilai sama ada wujud bukti objektif bahawa sesuatu aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan telah terjejas. Aset kewangan terjejas dan kerugian kejejasan ditanggung jika, dan hanya jika, terdapat bukti objektif tentang kejejasan yang berpunca daripada satu atau beberapa peristiwa telah berlaku selepas pengiktirafan permulaan aset itu ('peristiwa kerugian') dan bahawa peristiwa (atau peristiwa-peristiwa) kerugian itu mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan itu yang boleh dianggar secara pasti.

(i) Baki di bawa aset kewangan pada kos pelunasan

Jika terdapat bukti objektif bahawa telah berlaku kerugian kejejasan aset kewangan HTM yang baki di bawanya adalah pada kos pelunasan, amaun kerugian diukur sebagai perbezaan antara baki di bawa aset itu dengan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaun pada kadar faedah asal aset kewangan tersebut. Baki di bawa aset itu dikurangkan menerusi penggunaan akaun peruntukan dan amaun kerugian itu diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Jika, pada tempoh seterusnya, amaun kerugian kejejasan menurun dan penurunan itu boleh dikaitkan secara objektif dengan suatu peristiwa yang berlaku selepas kejejasan itu diiktiraf, kerugian kejejasan yang diiktiraf terdahulunya diterbalikkan dengan menyelaras akaun peruntukan itu. Amaun pembalikan itu diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(ii) Baki di bawa aset kewangan pada kos

Jika terdapat bukti objektif bahawa telah berlaku kerugian kejejasan ke atas aset kewangan yang baki debitnya adalah pada kos (seperti instrumen-instrumen ekuiti atau di mana tiada pasaran aktif atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti), amaun kerugian diukur sebagai perbezaan antara amaun di bawa aset tersebut dengan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaun pada kadar pulangan pasaran semasa untuk sekuriti yang serupa. Kerugian kejejasan yang sedemikian tidak boleh diterbalikkan.

(iii) Baki di bawa aset kewangan pada nilai saksama

Dalam kes aset kewangan diklasifikasikan sebagai AFS, penurunan ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama sekuriti itu di bawah paras kos dipertimbangkan dalam menentukan sama ada aset itu telah terjejas. Jika sebarang bukti perkara itu wujud untuk aset kewangan AFS, kerugian kumulatif, yang diukur sebagai perbezaan antara kos pemerolehan dengan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian kejejasan pada aset kewangan tersebut yang terdahulunya telah diiktiraf dalam untung atau rugi, dipindah dari ekuiti melalui penyata pendapatan komprehensif dan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Sekiranya, pada tempoh seterusnya, nilai saksama sesuatu instrumen hutang diklasifikasikan sebagai aset kewangan AFS yang baki debitnya adalah pada nilai saksama meningkat dan peningkatan itu boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas kerugian kejejasan diiktiraf dalam untung atau

No. Syarikat

149520

U

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)**

**2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

(f) Kejejasan aset kewangan (sambungan)

(iii) Baki di bawa aset kewangan pada nilai saksama (sambungan)

rugi, kerugian kejejasan itu diterbalikkan menerusi penyata pendapatan. Kerugian kejejasan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan atas instrumen-instrumen ekuiti tidak diterbalikkan menerusi penyata pendapatan.

(g) Kejejasan aset bukan kewangan

Aset yang mempunyai hayat berguna yang tak tentu tidak tertakluk pada pelunasan dan diuji setiap tahun untuk kejejasan. Aset yang tertakluk pada pelunasan dikaji semula untuk kejejasan, setiap kali peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan bahawa amaun baki debit mungkin tidak boleh didapati kembali.

Kerugian kejejasan diiktiraf bagi amaun yang nilai baki debit aset melebihi amaun yang didapati kembali. Amaun yang boleh didapati kembali ialah amaun yang lebih tinggi daripada nilai saksama aset ditolak kos jualan dan nilai dalam penggunaan. Bagi tujuan menilai kejejasan, aset dikumpulkan pada tahap terendah yang mana terdapat aliran tunai berasingan yang boleh dikenal pasti (unit penjana tunai). Aset bukan kewangan selain daripada nama baik yang mengalami kejejasan dikaji semula bagi kemungkinan pembalikan kejejasan tersebut pada setiap tarikh laporan.

Kerugian kejejasan dicaj kepada penyata pendapatan dengan serta merta melainkan jika ia menterbalikkan penilaian terdahulu yang jika demikian ia dicaj pada lebihan penilaian semula. Kerugian kejejasan ke atas nama baik tidak diterbalikkan. Berhubung aset lain, sebarang peningkatan selanjutnya dalam amaun yang boleh didapati kembali diiktiraf dalam penyata pendapatan kecuali jika ia menterbalikkan kerugian kejejasan pada aset yang dinilai semula yang jika demikian ia dibawa ke lebihan penilaian semula.

(h) Penyahiktirafan aset kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripadanya telah luput atau di mana ia telah dipindahkan dan Syarikat juga telah memindahkan sebahagian besar kesemua risiko dan ganjaran pemilikan.

No. Syarikat

149520

U

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)**

**2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

(i) Manfaat pekerja

(i) Manfaat pekerja berjangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan dan cuti sakit bergaji, bonus, manfaat bukan wang diakru dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberi oleh pekerja Syarikat.

(ii) Manfaat pasca pekerjaan

Caruman Syarikat kepada Tabung Simpanan Pekerja, pelan caruman ketentuan negara, dicaj kepada penyata pendapatan alam tempoh yang berkaitan. Apabila caruman sudah dibayar, Syarikat tidak mempunyai sebarang obligasi bayaran lagi.

(j) Insurans semula

Syarikat mengsid risiko insurans dalam perjalanan biasa perniagaan bagi kesemua perniagaannya. Aset insurans semula mewakili baki yang kena dibayar oleh syarikat-syarikat insurans semula. Amaun yang boleh didapati kembali daripada penanggung insurans semula dianggar secara yang konsisten dengan peruntukan tuntutan tertunggak atau tuntutan yang telah diselesaikan berkaitan dasar-dasar penanggung insurans semula dan menepati kontrak insurans semula yang berkenaan.

Perkiraan insurans semula tersid tidak melepaskan Syarikat daripada obligasinya terhadap para pemegang polisi. Premium dan tuntutan dibenteng atas asas kasar bagi kedua-dua insurans semula tersid dan yang diterima.

Aset insurans semula dikaji semula bagi kejejasan pada setiap tarikh laporan atau lebih kerap lagi apabila berbangkit tanda kejejasan semasa tempoh laporan. Kejejasan terjadi apabila terdapat bukti objektif sebagai akibat daripada suatu peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan permulaan aset insurans semula yang Syarikat mungkin tidak terima kesemua amaun yang kena dibayar di bawah terma kontrak dan peristiwa itu mempunyai impak yang boleh diukur secara yakin ke atas amaun yang Syarikat akan terima daripada penanggung insurans semula. Kerugian kejejasan dicatat dalam penyata pendapatan.

Laba atau kerugian daripada pembelian insurans semula diiktiraf dalam untung atau rugi dengan serta merta pada tarikh pembelian dan tidak dilunaskan.

Syarikat juga menanggung risiko insurans semula dalam perjalanan biasa perniagaan bagi kontrak insurans am apabila ada kaitan.

Premium dan tuntutan ke atas insurans semula yang diterima diiktiraf sebagai hasil atau belanja secara sama jika insurans semula dianggap perniagaan secara langsung, dengan mengambil kira klasifikasi produk perniagaan yang diinsurans semula. Liabiliti insurans semula mewakili baki yang kena dibayar kepada syarikat insurans semula. Amaun belum bayar dianggar secara yang konsisten dengan kontrak insurans semula yang berkaitan.

Aset atau liabiliti insurans semula dinyahiktiraf apabila hak kontrak dihapuskan atau luput atau apabila kontrak dipindah kepada pihak lain.

No. Syarikat

149520

U

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)**

**2 RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

(j) Insurans semula (sambungan)

Kontrak insurans semula yang tidak memindahkan risiko insurans yang besar dijelaskan secara langsung menerusi penyata kedudukan kewangan. Ini adalah aset deposit atau liabiliti kewangan yang diiktiraf berasaskan balasan yang dibayar atau diterima tolak sebarang premium yang dikenal pasti dengan jelas atau fi yang ditahan oleh pihak yang mengambil insurans semula. Pendapatan pelaburan ke atas kontrak ini dijelaskan dengan mengguna kaedah hasil berkesan apabila terakru.

(k) Insurans belum terima

Insurans belum terima diiktiraf apabila kena dibayar dan diukur atas pengiktirafan permulaan pada nilai saksama terhadap balasan yang diterima atau belum terima. Selepas pengiktirafan permulaan, insurans belum terima diukur pada kos terlunas, mengguna kaedah hasil berkesan. Jika terdapat bukti objektif bahawa insurans belum terima telah terjejas, Syarikat mengurangkan amaun baki debit insurans belum terima itu dengan sewajarnya dan mengiktiraf kerugian kejejasan dalam penyata pendapatan. Syarikat mengumpul bukti objektif bahawa suatu insurans belum terima telah terjejas dengan mengguna proses yang sama yang diguna pakai bagi baki debit aset kewangan pada kos terlunas. Kerugian kejejasan dikira di bawah kaedah yang sama yang diguna untuk aset kewangan ini. Proses-proses ini diterangkan dalam Nota 2(f) pada penyata kewangan.

(l) Keputusan tajajamin insurans am

Klasifikasi produk

Syarikat mengeluarkan kontrak yang memindahkan risiko insurans.

Kontrak insurans adalah kontrak yang memindahkan risiko insurans yang besar. Sebuah kontrak insurans ialah kontrak yang mana Syarikat (penanggung insurans) telah menerima risiko insurans yang besar daripada pihak lain (pemegang polisi) dengan bersetuju untuk memberi pampasan kepada pemegang polisi jika suatu peristiwa tertentu pada masa depan yang tidak menentu (peristiwa insurans) menjejaskan dengan teruk pemegang polisi. Sebagai panduan am, Syarikat menentukan sama ada ia mempunyai risiko insurans yang besar, dengan membanding manfaat yang dibayar dengan manfaat yang kena dibayar jika peristiwa insurans itu tidak berlaku.

Apabila sebuah kontrak telah diklasifikasikan sebagai kontrak insurans, ia kekal sebagai kontrak insurans bagi baki tempoh hayatnya, walaupun risiko insurans berkurangan dengan ketara dalam tempoh ini, melainkan semua hak dan obligasi telah terpadam atau luput.

Keputusan tajajamin insurans am ditentukan untuk setiap kelas perniagaan setelah mengambil kira insurans semula, komisyen, premium tidak terperoleh dan tuntutan yang ditanggung.

No. Syarikat

149520

U

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)**

**2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

(I) Keputusan tajajamin insurans am (sambungan)

Pendapatan premium

Pendapatan premium diiktiraf dalam tahun ketika risiko telah ditanggung. Premium dari perniagaan langsung diiktiraf pada tahun nota debit dikeluarkan. Premium berhubung dengan risiko yang dimulakan yang mana nota debit untuknya belum dikeluarkan pada tarikh penyata kedudukan kewangan diakru pada tarikh tersebut sebagai premium akan datang.

Premium insurans semula alir masuk diiktiraf atas asas nasihat berkala yang diterima daripada penangung insurans tersid.

Premium insurans semula alir keluar diiktiraf dalam tempoh perakaunan yang sama seperti polisi asal yang ada kaitan dengan insurans semula itu.

Liabiliti premium

Liabiliti premium merujuk kepada yang lebih tinggi daripada:

- (a) agregat rizab premium tidak terperoleh ("UPR"); atau
- (b) nilai anggaran terbaik rizab risiko Syarikat yang belum luput ("URR") pada tarikh penilaian dan peruntukan margin risiko untuk lencongan yang buruk ("PRAD") pada tahap keyakinan 75% seperti yang diperlukan oleh BNM, dikira pada tahap keseluruhan Syarikat. Nilai anggaran terbaik ialah anggaran bayaran propektif masa depan yang dijangka yang timbul daripada peristiwa masa depan yang diinsuranskan di bawah dasar-dasar yang berkuatkuasa pada tarikh penilaian dan termasuk peruntukan untuk perbelanjaan Syarikat, termasuk kos penyelenggaraan dan insurans semula, yang dijangka ditanggung semasa tempoh belum luput dalam penggunaan dasar-dasar ini dan menyelesaikan tuntutan yang relevan, dan memperuntukkan bayaran balik premium masa depan yang dijangkakan.

UPR mewakili bahagian premium bersih dasar-dasar polisi insurans yang ditaja yang berkaitan dengan tempoh belum luput dasar-dasar berikut pada akhir tahun.

Dalam penentuan UPR pada tarikh penyata kedudukan kewangan, kaedah yang paling tepat menunjukkan premium tidak terperoleh sebenar digunakan, seperti berikut:

- (i) kaedah 25% untuk kargo marin, kargo penerbangan dan perniagaan transit;
- (ii) keadah pembahagian masa bagi dasar-dasar bukan tahunan yang dikurangkan oleh peratusan komisyen kasar perniagaan langsung terakaun kepada premium yang sama, tidak melebihi had yang ditetapkan oleh BNM; dan
- (ii) kaedah ke 1/24 untuk semua kelas perniagaan am lain berhubung dasar-dasar Malaysia, dikurangkan oleh peratusan sama komisyen kasar perniagaan langsung terakaun kepada premium yang sama, tidak melebihi had yang ditetapkan oleh BNM.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(I) Keputusan tajajamin insurans am (sambungan)

Liabiliti tuntutan

Liabiliti untuk tuntutan yang tertunggak diiktiraf berhubung dengan kedua-dua insurans langsung dan insurans semula alir masuk.

Peruntukan untuk liabiliti tuntutan dibuat bagi anggaran kos untuk semua tuntutan berserta belanja berkaitan ditolak pemulihan insurans semula, berhubung tuntutan yang diberitahu tetapi tidak diselesaikan pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Peruntukan juga dibuat bagi kos tuntutan, berserta belanja berkaitan, yang ditanggung tetapi tidak dilaporkan pada tarikh penyata kedudukan kewangan, berasaskan penilaian aktuari dengan PRAD pada tahap keyakinan 75% seperti yang diperlukan oleh BNM.

Sepanjang tahun berkenaan, pihak pengurusan dengan tetap menilai semula tuntutan dan peruntukan pada asas individu dan juga kelas, berdasarkan nasihat dan laporan profesional bebas, maklumat lain yang didapati dan penilaian pihak pengurusan sendiri tentang tuntutan dan peruntukan.

Kos pemerolehan dan kos pemerolehan tertunda ("DAC")

Kos memperoleh dan membaharui polisi insurans ditolak pendapatan dari premium polisi insurans semula yang disid, diiktiraf sebagai ditanggung dan diperuntukkan dengan betul kepada tahun di mana pendapatan mungkin terjana.

Kos ini ditunda setakat mana ia boleh didapati kembali daripada premium masa depan. Semua kos pemerolehan kos diiktiraf sebagai belanja apabila ia ditanggung. Sebuah kajian semula ke atas kekejangan dilaksanakan pada setiap tarikh laporan atau lebih kerap lagi apabila timbul tanda kekejangan. Apabila amaun yang boleh didapati kembali kurang daripada nilai baki di bawa, kerugian kekejangan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

DAC juga dipertimbangkan dalam ujian kecukupan liabiliti bagi setiap tempoh perakaunan. DAC dinyahiktiraf apabila kontrak berkaitan diselesaikan atau dilupuskan.

Bagi tujuan pembentangan, DAC ditolak daripada liabiliti premium dalam penyata kewangan.

Penilaian liabiliti kontrak insurans am

Bagi kontrak insurans am, anggaran perlu dibuat untuk kedua-dua kos muktamad yang dijangka untuk tuntutan yang dilaporkan pada akhir tempoh laporan dan untuk kos muktamad yang dijangka yang ditanggung tetapi tidak dilaporkan ("IBNR") pada akhir tempoh laporan.

Ia mungkin mengambil tempoh masa yang agak panjang sebelum kos tuntutan muktamad boleh ditentukan dengan sedikit kepastian dan untuk beberapa jenis polisi, tuntutan IBNR mewakili sebahagian besar liabiliti kontrak insurans. Kos muktamad tuntutan tertunggak dianggarkan mengguna julat standard teknik unjuran tuntutan aktuari, seperti kaedah *Chain Ladder* dan *Bornheutter-Ferguson*.



**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)**

**2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

(l) Keputusan tajajamin insurans am (sambungan)

Penilaian liabiliti kontrak insurans am (sambungan)

Andaian utama yang mendasari teknik-teknik ini ialah bahawa pengalaman perkembangan tuntutan Syarikat pada masa lampau boleh diguna untuk membuat unjuran tentang corak perkembangan tuntutan masa depan, seterusnya kos tuntutan muktamad. Oleh yang demikian, kaedah-kaedah ini mengekstrapolasi perkembangan kerugian yang dibayar dan ditanggung, purata kos setiap tuntutan dan bilangan tuntutan berasaskan perkembangan yang diperhatikan pada tahun sebelumnya dan nisbah kerugian yang dijangka. Perkembangan tuntutan bersejarah sebahagian besarnya dianalisa mengikut tahun kemalangan, tetapi boleh dianalisa selanjutnya dengan bentuk perniagaan ketara dan jenis tuntutan. Tuntutan besar biasanya ditangani berasingan, sama ada sebagai rizab pada nilai muka anggaran pelaras kerugian atau diunjur berasingan supaya memaparkan perkembangan masa depan. Dalam kebanyak kes, in most cases, tiada andaian tersurat dibuat berkaitan kadar masa depan tuntutan inflasi atau nisbah kerugian. Sebaliknya, andaian yang diguna adalah data perkembangan tuntutan bersejarah yang tersirat. yang menjadi dasar bagi unjuran tersebut.

Sebagai tambahan, penilaian kualitatif tertentu diguna untuk menilai sejauh mana trend lampau tidak boleh diguna untuk masa depan agar dapat mencapai anggaran kos muktamad tuntutan yang menunjukkan akibat yang munasabah daripada pelbagai kemungkinan akibat, dengan mengambil kira semua ketidakpastian yang terlibat.

(m) Pengiktirafan hasil lain

Pendapatan faedah termasuk amaun pelunasan premium dan tokokan diskaun diiktiraf atas asas pembahagian masa dengan mengambil kira pokok yang tertunggak dan kadar berkesan untuk tempoh matang, apabila ditentukan bahawa pendapatan tersebut akan terakru kepada Syarikat.

Pendapatan sewa diiktiraf atas asas pembahagian masa kecuali di mana pengingkar bayaran sewa telah pun berlaku dan sewa yang kena dibayar kekal tertunggak selama lebih enam bulan, yang jika demikian pengiktirafan pendapatan sewa digantung. Selepas penggantungan itu, pendapatan diiktiraf atas asas penerimaan sehingga semua tunggakan telah dibayar.

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran telah ditentukan.

Laba atau kerugian yang timbul daripada pelupusan pelaburan dikredit atau dicaj kepada penyata pendapatan.

(n) Urusniaga matawang asing

Perkara-perkara yang dimasukkan dalam penyata kewangan Syarikat diukur mengguna matawang persekitaran ekonomi utama di mana entiti beroperasi ("matawang berfungsi").

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang merupakan matawang berfungsi Syarikat dan matawang pembentangan.

No. Syarikat

149520

U

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)**

**2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

(n) Urusniaga matawang asing (sambungan)

Urusniaga matawang asing dalam Syarikat dijelaskan pada kadar tukaran semasa pada tarikh-tarikh urusniaga. Aset dan liabiliti monetari matawang asing pada tarikh kunci kira-kira diterjemahkan pada kadar tukaran yang menguasai pada tarikh tersebut. Perbezaan tukaran yang berbangkit daripada penyelesaian urusniaga matawang asing dan daripada penterjemahan aset dan liabiliti monetari matawang asing dimasukkan dalam penyata pendapatan.

(o) Cukai pendapatan

Belanja cukai semasa ditentukan mengikut undang-undang cukai dalam bidang kuasa tempat Syarikat beroperasi dan termasuk semua cukai berasaskan keuntungan yang boleh dikenakan cukai.

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya, mengguna kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang berbangkit antara amaun yang dikaitkan dengan aset dan liabiliti bagi tujuan cukai dengan amaun baki debatnya dalam penyata kewangan.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana akan terdapat kemungkinan bahawa semua keuntungan yang boleh dikenakan cukai akan ada untuk diguna bagi perbezaan sementara yang boleh dtolak atau kerugian cukai yang tidak diguna.

Kadar cukai yang digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh penyata kedudukan kewangan diguna untuk menentukan cukai tertunda dan dijangka untuk diguna pakai apabila cukai tertunda yang berkaitan terealis atau liabiliti cukai tertunda diselesaikan.

(p) Liabiliti kontingen dan aset kontingen

Syarikat tidak mengiktiraf liabiliti kontingen tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti kontingen ialah kemungkinan obligasi yang berbangkit daripada peristiwa-peristiwa lampau yang kewujudannya akan disahkan dengan kejadian atau tiada kejadian satu atau lebih peristiwa tidak menentu masa depan yang di luar kawalan Syarikat atau obligasi kini yang tidak diiktiraf kerana tidak mungkin aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Liabiliti kontingen juga timbul dalam keadaan yang amat jarang berlaku yang mana terdapat liabiliti yang tidak dapat diiktiraf sebab ia tidak boleh diukur secara pasti..

Aset kontingen ialah aset yang mungkin yang timbul daripada kejadian-kejadian lampau yang kewujudannya akan disahkan oleh kejadian atau tiada kejadian satu atau lebih peristiwa masa depan yang tidak menentu di luar kawalan Syarikat. Syarikat tidak mengiktiraf aset kontingen tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah mungkin, tetapi hampir tidak dapat dipastikan.

(q) Dividen

Dividen diiktiraf sebagai liabiliti apabila obligasi untuk bayar telah ditentukan.

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)

2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(r) Pajak kendalian

Pemajakan aset yang mana semua risiko dan manfaat pemilikan ditahan oleh pemajak diklasifikasikan sebagai pajak kendalian. Bayaran yang dibuat di bawah pajak kendalian dicaj kepada penyata pendapatan atas asas garisan lurus selama tempoh pajakannya.

(s) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Syarikat mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif sebagai akibat daripada peristiwa lampau, yang mana ada kemungkinan aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi itu, dan apabila anggaran amaun boleh dibuat dengan pasti.

(t) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada baki tunai dan baki bank, tidak termasuk deposit tetap dan panggilan.

(u) Instrumen-instrumen kewangan

Keterangan

Instrumen kewangan ialah sebarang kontrak yang menimbulkan aset kewangan kepada suatu perusahaan dan pada masa yang sama, liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti kepada perusahaan yang lain.

Aset kewangan ialah sebarang aset dalam bentuk tunai, hak kontrak untuk menerima tunai atau aset kewangan lain dari perusahaan lain, hak kontrak untuk menukar instrumen-instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat yang berpotensi menguntungkan, atau instrumen ekuiti perusahaan lain.

Liabiliti kewangan ialah sebarang liabiliti yang merupakan obligasi kontrak untuk menyerahkan tunai atau aset kewangan lain kepada perusahaan lain, atau untuk menukar instrumen-instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat-syarat yang berpotensi menguntungkan.

Kaedah pengiktirafan

Kaedah pengiktirafan tertentu yang diguna pakai bagi instrumen-instrumen kewangan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan didedahkan dalam nota dasar perakaunan individu yang ada kaitan dengan setiap perkara.

No. Syarikat

149520

U

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)**

**2 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

(u) Instrumen-instrumen kewangan (sambungan)

Anggaran nilai saksama

Asas anggaran Syarikat untuk nilai saksama bagi instrumen-instrumen kewangan adalah seperti berikut:

- nilai saksama Sekuriti Kerajaan Malaysia adalah berasaskan harga pasaran indikatif;
- nilai saksama kertas Cagamas dan hutang korporat tidak disebut harga adalah berasaskan hasil pasaran indikatif yang diperoleh daripada pengurus dana;
- nilai saksama sekuriti ekuiti disebut harga dan unit amanah adalah berasaskan harga pasaran disebut harga; dan
- amaun baki di bawa bagi aset dan liabiliti kewangan dengan tempoh matang kurang daripada setahun adalah dianggap lebih kurang nilai saksamanya.

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)**

**3 ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN GENTING**

Anggaran dan penilaian dibuat secara berterusan oleh para pengarah dan berasaskan pengalaman bersejarah dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa depan yang diyakini sebagai berpatutan mengikut keadaan.

(a) Anggaran dan andaian perakaunan genting

Syarikat membuat anggaran dan andaian berkenaan masa depan. Anggaran perakaunan yang terhasil akan, mengikut definisi, amat jarang menyamai keputusan sebenar yang berkaitan. Untuk meningkatkan kandungan maklumat anggaran tersebut, beberapa pemboleh ubah penting tertentu yang dijangka akan mendatangkan kesan yang ketara ke atas keputusan dan kedudukan kewangan Syarikat adalah diuji bagi sensitiviti terhadap perubahan dalam parameter yang menjadi dasarnya. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko besar untuk menyebabkan pelarasan material ke atas baki di bawa aset dan liabiliti dalam tempoh tahun depan digariskan di bawah.

(i) Anggaran kejejasan ehsan

Ehsan diperuntukkan kepada unit penjana tunai ("CGU") bagi tujuan ujian kejejasan yang dilaksanakan di tahap terendah nama baik itu dipantau bagi tujuan pengurusan dalaman. Ujian kejejasan dijalankan setiap tahun oleh Syarikat mengikut dasar-dasar perakaunannya dengan membandingkan amaun CGU yang boleh didapati kembali dengan amaun baki di bawa ditolak aset yang diperuntukkan kepada CGU, termasuk nama baik yang berkaitan.

Amaun CGU yang boleh didapati kembali ditentukan berdasar kiraan nilai dalam penggunaan. Kiraan itu memerlukan penggunaan anggaran. Rujuk Nota 5 pada penyata kewangan berkaitan andaian utama yang diguna dalam kiraan untuk CGU.

(ii) Liabiliti tuntutan

Nilai liabiliti tuntutan bagi setiap kelas perniagaan dianggar dengan merujuk kepada pelbagai teknik anggaran, yang secara umumnya berdasarkan analisa statistik tentang pengalaman bersejarah yang mengandaikan corak yang mendasari perkembangan dan pembayaran tuntutan, dan termasuk peruntukan untuk margin risiko bagi lencongan buruk ("PRAD") pada tahap keyakinan 75% seperti yang diperlukan oleh BNM. PRAD ialah sebuah komponen nilai liabiliti insurans yang berkaitan dengan ketidakpastian yang wujud dalam anggaran terbaik liabiliti tuntutan itu. PRAD juga merupakan komponen tambahan nilai liabiliti yang bertujuan untuk memastikan nilai liabiliti tuntutan ditetapkan pada tahap yang menghasilkan tahap keyakinan (atau kebarangkalian) yang lebih tinggi sehingga akhirnya peruntukan akan menjadi mencukupi. Anggaran muktamad yang terpilih adalah berdasarkan pertimbangan penilaian keputusan terhadap setiap kaedah dan maklumat kualitatif, sebagai contoh, kelas perniagaan, tarikh matang portfolio dan jangkaan terma penyelesaian kelas tersebut. Unjuran adalah berdasarkan pengalaman bersejarah dan penanda aras luaran jika relevan.

No. Syarikat

149520

U

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)**

**3 ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN GENTING (SAMBUNGAN)**

(a) Anggaran dan andaian perakaunan genting (sambungan)

(ii) Liabiliti tuntutan (sambungan)

Disebabkan oleh hakikat bahawa liabiliti tuntutan muktamad bergandung pada hasil peristiwa masa depan seperti saiz anugerah mahkamah, sikap pihak menuntut terhadap penyelesaian tuntutan mereka, dan inflasi sosial dan ekonomi, wujud ketidakpastian dalam mana-mana anggaran liabiliti tuntutan muktamad. Oleh yang demikian, terdapat batas bagi ketepatan anggaran tersebut. Malah, sudah pasti kerugian sebenar masa depan dan belanja pelarasan kerugian tidak akan berkembang persis seperti yang diunjurkan dan boleh berbeza dengan ketara daripada unjuran itu.

(b) Penilaian genting dalam penggunaan dasar-dasar perakaunan Syarikat.

Dalam penentuan dan penggunaan dasar-dasar perakaunan, penilaian sering diperlukan berhubung perkara-perkara yang mana pilihan dasar tertentu boleh menjejaskan secara ketara keputusan dan kedudukan kewangan Syarikat yang dilaporkan. Walau bagaimanapun, para pengarah berpendapat bahawa ketika ini tiada dasar-dasar perakaunan yang memerlukan penilaian penting dilaksanakan.

No. Syarikat

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)

4 HARTA, LOJI DAN PERALATAN

	Tanah <u>pajakan</u> RM'000	Bangunan RM'000	Perabot dan Lengkapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Peralatan pejabat dan komputer RM'000	Jumlah RM'000
<u>Kos</u>						
Pada 1 Januari 2011	3,400	1,870	14,525	1,990	25,453	47,238
Tambahan	-	-	124	144	3,225	3,493
Pelupusan	-	-	(1)	(6)	(175)	(182)
Hapus kira	-	-	(113)	-	(323)	(436)
Pada 31 Disember 2011	3,400	1,870	14,535	2,128	28,180	50,113
<u>Susut nilai terkumpul</u>						
Pada 1 Januari 2011	243	120	10,620	836	18,545	30,364
Caj bagi tahun	80	45	1,781	191	3,404	5,501
Pelupusan	-	-	(1)	(6)	(173)	(180)
Hapus kira	-	-	(107)	-	(305)	(412)
Pada 31 Disember 2011	323	165	12,293	1,021	21,471	35,273
<u>Nilai buku bersih</u>						
Pada 31 Disember 2011	3,077	1,705	2,242	1,107	6,709	14,840

No. Syarikat

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)

4 HARTA, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

	<u>Tanah</u> <u>pajakan</u> RM'000	<u>Bangunan</u> RM'000	<u>Perabot</u> <u>dan</u> <u>Lengkapan</u> RM'000	<u>Kenderaan</u> <u>bermotor</u> RM'000	<u>Peralatan</u> <u>pejabat dan</u> <u>komputer</u> RM'000	<u>Jumlah</u> RM'000
<u>Kos</u>						
Pada 1 Januari 2010	2,793	1,357	13,687	2,194	25,501	45,532
Berpunca dari pemerolehan perniagaan	-	-	1,772	727	1,478	3,977
Tambahan perniagaan	607	513	-	-	-	1,120
Pelupusan	-	-	-	(927)	(1,408)	(2,335)
Hapus kira	-	-	(934)	(4)	(118)	(1,056)
Pada 31 Disember 2010	<u>3,400</u>	<u>1,870</u>	<u>14,525</u>	<u>1,990</u>	<u>25,453</u>	<u>47,238</u>
<u>Susut nilai terkumpul</u>						
Pada 1 Januari 2010	177	87	9,266	1,601	16,864	27,995
Caj bagi tahun	66	33	2,254	36	3,152	5,541
Pelupusan	-	-	-	(801)	(1,363)	(2,164)
Hapus kira	-	-	(900)	-	(108)	(1,008)
Pada 31 Disember 2010	<u>243</u>	<u>120</u>	<u>10,620</u>	<u>836</u>	<u>18,545</u>	<u>30,364</u>
<u>Nilai buku bersih</u>						
Pada 31 Disember 2010	<u>3,157</u>	<u>1,750</u>	<u>3,905</u>	<u>1,154</u>	<u>6,908</u>	<u>16,874</u>



No. Syarikat

149520

U

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)**

5 EHSAN

	<u>2011</u> RM'000	<u>2010</u> RM'000
Kos:		
Pada 1 Januari	26,930	26,930
Pada 31 Disember	<u>26,930</u>	<u>26,930</u>

Ehsan Syarikat berbangkit daripada pemerolehan perniagaan Amanah General Insurance (M) Bhd ("AGIB"), Asia Insurans (M) Bhd ("AIMB") dan PanGlobal Insurance Berhad ("PGI") masing-masing pada tahun 2002, 2007 dan 2009. Pada 31 Disember 2011, amaun dibawa ehsan yang berpunca daripada pemerolehan perniagaan AGIB dan AIMB ialah masing-masing RM13,666,666 (2010: RM13,666,666) dan RM13,263,065 (2010: RM13,263,065). Ehsan berkaitan dengan pemerolehan PGI telah dijejaskan sepenuhnya pada tahun pemerolehan tersebut.

Amaun yang dibawa daripada ehsan yang selebihnya telah diperuntukkan kepada CGU yang terdiri daripada rangkaian cawangan yang dipindahkan daripada AGIB dan AIMB masing-masing. Amaun CGU yang boleh diperoleh semula ditentukan berdasarkan pengiraan nilai guna. Pengiraan ini mengguna unjuran aliran tunai sebelum cukai berdasarkan bajet kewangan yang diluluskan oleh para pengarah yang meliputi jangka masa lima tahun. Aliran tunai yang melampau tempoh lima tahun diekstrapolasi mengguna anggaran kadar pertumbuhan berkekalan.

Andaian utama yang digunakan dalam pengiraan nilai guna bagi CGU adalah seperti berikut:

	<u>AGIB</u> %	<u>AIMB</u> %
Purata kadar pertumbuhan perniagaan	10	11
Kadar pertumbuhan berkekalan (bagi nilai terminal)	5	5
Kadar diskaun sebelum cukai	10	10
Nisbah kerugian tuntutan	53	56

Para pengarah telah menentukan kadar pertumbuhan berdasarkan prestasi lampau dan jangkaan mereka terhadap perkembangan pasaran. Purata wajaran kadar pertumbuhan adalah konsisten dengan ramalan yang dimasukkan dalam laporan industri, diselaraskan dengan trend dan jangkaan cawangan-cawangan Syarikat. Kadar diskaun yang digunakan adalah kadar sebelum cukai dan memaparkan purata wajaran keseluruhan kos saham bagi industri insurans am.

Jika purata kadar pertumbuhan perniagaan dan kadar pertumbuhan berkekalan adalah 1% lebih rendah daripada anggaran pihak pengurusan dan jika kadar diskaun sebelum cukai dan nisbah kerugian adalah 1% lebih tinggi daripada anggaran pihak pengurusan, amaun CGU yang boleh diperoleh semula akan tetap lebih tinggi daripada aset bersih CGU, dan oleh itu, tidak akan ada sebarang kejejasan pada ehsan.

Sebagai kesimpulannya, andaian utama adalah tidak sensitif.

No. Syarikat

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)

6 PELABURAN

Pelaburan kewangan Syarikat adalah diringkaskan seperti berikut:

	<u>2011</u>	<u>2010</u>
	RM'000	RM'000
Aset kewangan dipegang hingga matang ("HTM")	55,784	80,964
Aset kewangan sedia dijual ("AFS")	532,314	524,516
Nilai saksama menerusi untung dan rugi ("FVTPL")	77,686	82,894
Pinjaman dan belum terima ("LAR") (Nota 9)	611,939	485,370
	<u>1,277,723</u>	<u>1,173,744</u>

Pelaburan berikut matang selepas 12 bulan:

HTM	35,222	45,545
AFS	71,610	70,849
LAR	10,822	11,275
	<u>117,654</u>	<u>127,669</u>

(a) Dipegang hingga matang ("HTM")

	<u>2011</u>	<u>2010</u>
	RM'000	RM'000
<u>Kos Terlunas</u>		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	45,288	80,356
Sekuriti hutang korporat – disebutbarga di Malaysia	10,000	-
	<u>55,288</u>	<u>80,356</u>
<u>Pendapatan faedah terakru</u>		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	328	608
Sekuriti hutang korporat – disebutbarga di Malaysia	168	-
	<u>496</u>	<u>608</u>
	<u>55,784</u>	<u>80,964</u>
<u>Nilai saksama</u>		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	45,830	81,333
Sekuriti hutang korporat – disebutbarga di Malaysia	10,180	-
	<u>56,010</u>	<u>81,333</u>

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)

6 PELABURAN (SAMBUNGAN)

(b) Sedia dijual ("AFS")

	<u>2011</u> RM'000	<u>2010</u> RM'000
<u>Nilai saksama</u>		
Sekuriti hutang korporat:		
Disebuttharga di Malaysia	3,285	3,283
Tidak disebuttharga	78,413	72,594
	<u>81,698</u>	<u>75,877</u>
 Dana unit amanah	 449,782	 447,478
	<u>531,480</u>	<u>523,355</u>
 <u>Pendapatan faedah terakru</u>		
Sekuriti hutang korporat:		
Disebuttharga di Malaysia	69	68
Tidak disebuttharga	765	1,093
	<u>834</u>	<u>1,161</u>
	<u>532,314</u>	<u>524,516</u>

(c) Nilai saksama menerusi untung dan rugi ("FVTPL")

	<u>2011</u> RM'000	<u>2010</u> RM'000
<u>Nilai saksama</u>		
Dipegang-untuk-dagangan:		
Sekuriti ekuiti	76,008	80,805
Dana unit amanah dan harta	1,678	2,089
	<u>77,686</u>	<u>82,894</u>

No. Syarikat

149520	U
--------	---

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)**

6 PELABURAN (SAMBUNGAN)

(d) Nilai baki aset kewangan

	<u>HTM</u>	<u>AFS</u>	<u>FVTPL</u>	<u>Jumlah</u>
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari 2010	94,385	511,658	62,521	668,564
Pembelian	-	26,053	36,479	62,532
Kematangan	(13,126)	(8,272)	-	(21,398)
Pelupusan	-	(8,951)	(30,612)	(39,563)
Laba nilai saksama tercatat dalam:				
Penyata Pendapatan	-	-	14,506	14,506
Pendapatan komprehensif lain	-	3,685	-	3,685
Pelarasan (pelunasan)/tokokan	(295)	343	-	48
Pada 31 Disember 2010	80,964	524,516	82,894	688,374
Pembelian	12,763	21,857	21,850	56,570
Kematangan	(37,796)	(8,500)	-	(46,296)
Pelupusan	-	(8,272)	(33,377)	(41,649)
Laba nilai saksama tercatat dalam:				
Penyata pendapatan	-	-	6,319	6,319
Pendapatan komprehensif lain	-	2,675	-	2,675
Pelarasan (pelunasan)/tokokan	(147)	38	-	(109)
Pada 31 Disember 2011	55,784	532,314	77,686	665,784

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)

6 PELABURAN (SAMBUNGAN)

(e) Nilai saksama aset kewangan

Jadual di bawah menunjukkan pelaburan yang dicatat pada nilai saksama, yang dianalisa oleh pelbagai asas nilai saksama seperti berikut:

	AFS RM'000	FVTPL RM'000	Jumlah RM'000
<u>31 Disember 2011</u>			
Harga pasaran disebutharga (Peringkat 1)	3,354	77,686	81,040
Teknik penilaian (Peringkat 2) – input pasaran yang boleh dilihat	528,960	-	528,960
	<u>532,314</u>	<u>77,686</u>	<u>610,000</u>
<u>31 Disember 2010</u>			
Harga pasaran disebutharga (Peringkat 1)	3,351	82,894	86,245
Teknik penilaian (Peringkat 2) – input pasaran yang boleh dilihat	521,165	-	521,165
	<u>524,516</u>	<u>82,894</u>	<u>607,410</u>

Peringkat 1

Termasuk dalam kategori harga yang disebut adalah instrumen-instrumen kewangan yang diukur secara keseluruhan atau sebahagian dengan merujuk kepada harga yang disebut yang diterbitkan di pasaran aktif. Instrumen kewangan dianggap sebagai disebutharga dalam pasaran aktif jika harga yang disebut sedia ada secara tetap di bursa, pasaran sekunder menerusi wakil penjual dan broker, perkhidmatan penentuan harga atau agensi kawal selia dan harga-harga tersebut mewakili urus niaga pasaran yang sebenar dan sering berlaku pada asas urus niaga tulus. Ini dianggap sebagai asas penilaian Peringkat 1.

Peringkat 2

Instrumen-instrumen kewangan yang diukur mengguna teknik penilaian berasaskan andaian-andaian yang disokong oleh harga-harga yang boleh dilihat dalam urus niaga pasaran semasa adalah instrumen-instrumen yang diperolehi menerusi perkhidmatan penentuan harga tetapi dalam keadaan harga-harga belum ditentukan lagi dalam pasaran aktif, instrumen-instrumen yang mempunyai nilai saksama berdasarkan sebut harga broker, pelaburan dalam amanah unit dan harta dengan nilai saksama yang diperolehi menerusi pengurus dana dan instrumen-instrumen yang dinilai mengguna model Syarikat sendiri yang mana sebahagian besar dari andaian-andaian boleh dilihat di pasaran. Ini dianggap sebagai penilaian Peringkat 2.

Peringkat 3

Pelaburan yang diklasifikasi dalam Peringkat 3 mempunyai banyak input yang tidak boleh dilihat oleh kerana ia jarang diurusniagakan. Instrumen-instrumen Peringkat 3 termasuk sekuriti persendirian tidak sebut harga. Oleh kerana harga-harga yang boleh diperhatikan tiada bagi sekuriti ini, teknik-teknik penilaian diguna untuk memperoleh nilai saksama. Tiada pelaburan yang dinilai mengguna asas ini semasa tahun kewangan berkenaan.

No. Syarikat

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)

7 ASET INSURANS SEMULA

	<u>2011</u> RM'000	<u>2010</u> RM'000
Insurans semula kontrak insurans (Nota 13)	166,870	160,231
Peruntukan untuk kekejasaan	(870)	(719)
	<u>166,000</u>	<u>159,512</u>

8 INSURANS BELUM TERIMA

	<u>2011</u> RM'000	<u>2010</u> RM'000
Premium kena dibayar termasuk ejen/broker dan baki penanggung insurans bersama	103,621	78,462
Kena dibayar daripada penanggung insurans semula dan penerima sid	24,942	20,607
	<u>128,563</u>	<u>99,069</u>
Peruntukan untuk kekejasaan	(11,856)	(12,603)
	<u>116,707</u>	<u>86,466</u>

9 PINJAMAN DAN BELUM TERIMA (TIDAK TERMASUK INSURANS BELUM TERIMA)

	<u>2011</u> RM'000	<u>2010</u> RM'000
<u>Kos Pelunasan</u>		
Deposit tetap dan panggilan dengan institusi kewangan berlesen	<u>571,257</u>	<u>454,154</u>
Pinjaman kakitangan	7,476	7,691
Peruntukan untuk kekejasaan	(168)	(168)
	<u>7,308</u>	<u>7,523</u>
	<u>578,565</u>	<u>461,677</u>
<u>Pendapatan faedah terakru</u>		
Deposit tetap dan panggilan dengan institusi kewangan berlesen	<u>2,620</u>	<u>4,144</u>
	<u>2,620</u>	<u>4,144</u>
	<u>581,185</u>	<u>465,821</u>

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)

9 PINJAMAN DAN BELUM TERIMA (TIDAK TERMASUK INSURANS BELUM TERIMA)  
(SAMBUNGAN)

	<u>2011</u> RM'000	<u>2010</u> RM'000
<u>Belum terima lain</u>		
Pemulihan tuntutan sesama selesai	2,940	2,717
Aset dipegang di bawah Malaysia Motor Insurance Pool	17,168	9,396
Belum terima, deposit dan prabayaran lain	11,231	8,023
	<hr/> 31,339	<hr/> 20,136
Peruntukan untuk kejejasan	(585)	(587)
	<hr/> 30,754	<hr/> 19,549
	<hr/> 611,939	<hr/> 485,370
<u>Nilai saksama</u>		
Deposit tetap dan panggilan dengan institusi keuangan berlesen	571,470	463,151
Pinjaman kakitangan [bersih daripada peruntukan kejejasan RM168,039 (2010: RM168,039)]	7,284	7,523
Belum terima lain	30,754	19,549
	<hr/> 609,508	<hr/> 490,223

Nilai saksama deposit adalah lebih kurang amaun baki debit disebabkan oleh tempoh matangnya yang agak pendek, kecuali instrumen boleh niaga deposit ("NID") yang mana nilai saksamanya adalah berasaskan purata harga pasaran pertengahan indikatif yang diperoleh daripada tiga broker/wakil penjual.

Nilai saksama pinjaman kakitangan ditentukan dengan membandingkan kadar faedah pasaran semasa untuk instrumen yang serupa dengan kadar yang ditawarkan semasa pinjaman mula-mula diiktiraf bersama-sama pelarasan kredit pasaran yang sewajarnya.

Nilai saksama belum terima lain adalah lebih kurang amaun yang dibawanya.

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)

10 MODAL SAHAM

	<u>2011</u> RM'000	<u>2010</u> RM'000
Saham biasa dibenarkan bernilai RM1 setiap satu		
Pada permulaan dan akhir tahun	<u>300,000</u>	<u>300,000</u>
Saham biasa terbitan dan berbayar penuh bernilai RM1 setiap satu		
Pada permulaan dan akhir tahun	<u>278,000</u>	<u>278,000</u>

11 PEROLEHAN TERTAHAN

Di bawah sistem cukai peringkat tunggal yang mula dilaksanakan dari tahun penilaian 2008, syarikat-syarikat tidak perlu untuk mempunyai kredit cukai di bawah Seksyen 108 Akta Cukai Pendapatan, 1967 bagi tujuan pembayaran dividen. Dividen yang dibayar di bawah sistem ini adalah terkecuali daripada cukai dalam tangan pemegang saham.

Syarikat-syarikat yang mempunyai kredit Seksyen 108 pada 31 Disember 2011 boleh terus membayar dividen frangi hingga kredit Seksyen 108 telah habis atau hingga 31 Disember 2013, yang mana satu yang lebih awal, melainkan jika mereka memilih untuk tidak mengendahkan kredit Seksyen 108 untuk membayar dividen peringkat tunggal di bawah peruntukan peralihan khas Akta Kewangan, 2008.

Tertakluk pada persetujuan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri, Syarikat mempunyai kredit cukai yang memadai di bawah Seksyen 108 Akta Cukai Pendapatan, 1967 dan akaun pengecualian cukai untuk difrangki sebanyak kira-kira RM23.3 juta (2010: RM69.8 juta) daripada perolehan tertahannya pada 31 Disember 2011 jika dibayar sebagai dividen. Tahap perolehan tertahan yang tidak diliputi pada tarikh tersebut berjumlah RM310.6 juta (2010: RM160.2 juta).

12 RIZAB LAIN

	<u>2011</u> RM'000	<u>2010</u> RM'000
<u>Rizab penilaian semula</u>		
Pada 1 Januari	1,837	717
(Defisit)/Lebihan penilaian semula semasa tahun	<u>(280)</u>	<u>1,120</u>
Pada 31 Disember	<u>1,557</u>	<u>1,837</u>
<u>Rizab sedia dijual</u>		
Pada 1 Januari	6,245	2,666
Laba nilai saksama yang berbangkit semasa tahun	<u>2,164</u>	<u>3,579</u>
Pada 31 Disember	<u>8,409</u>	<u>6,245</u>
Jumlah	<u>9,966</u>	<u>8,082</u>



No. Syarikat

149520	U
--------	---

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)**

13 **LIABILITI KONTRAK INSURANS**

	2011			2010		
	<u>Kasar</u> RM'000	<u>Insurans semula</u> RM'000	<u>Bersih</u> RM'000	<u>Kasar</u> RM'000	<u>Insurans semula</u> RM'000	<u>Bersih</u> RM'000
Insurans am	868,758	(166,870)	701,888	845,561	(160,231)	685,330
	<u>868,758</u>	<u>(166,870)</u>	<u>701,888</u>	<u>845,561</u>	<u>(160,231)</u>	<u>685,330</u>
Peruntukan untuk tuntutan	425,263	(82,805)	342,458	444,558	(79,994)	364,564
Peruntukan untuk tuntutan tertanggung tetapi tidak dilaporkan ("IBNR")	106,036	(18,872)	87,164	100,917	(19,587)	81,330
Peruntukan untuk tuntutan tertunggak (i)	531,299	(101,677)	429,622	545,475	(99,581)	445,894
Liabiliti premium (ii)	337,459	(65,193)	272,266	300,086	(60,650)	239,436
	<u>868,758</u>	<u>(166,870)</u>	<u>701,888</u>	<u>845,561</u>	<u>(160,231)</u>	<u>685,330</u>
(i) Peruntukan untuk tuntutan tertunggak						
Pada 1 Januari	545,475	(99,581)	445,894	548,421	(99,996)	448,425
Tuntutan ditanggung pada tahun kemalangan semasa	398,958	(56,927)	342,031	420,549	(49,522)	371,027
Pergerakan lain dalam tuntutan tertanggung pada tahun kemalangan terdahulu	3,515	(330)	3,185	(13,313)	(3,281)	(16,594)
Pergerakan IBNR pada 75% tahap keyakinan	5,119	715	5,834	28,086	(10,058)	18,028
Tuntutan dibayar sepanjang tahun	(421,768)	54,446	(367,322)	(438,268)	63,276	(374,992)
Pada 31 Disember	<u>531,299</u>	<u>(101,677)</u>	<u>429,622</u>	<u>545,475</u>	<u>(99,581)</u>	<u>445,894</u>

No. Syarikat

149520	U
--------	---

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)

13 LIABILITI KONTRAK INSURANS (SAMBUNGAN)

	2011			2010		
	<u>Kasar</u> RM'000	<u>Insurans semula</u> RM'000	<u>Bersih</u> RM'000	<u>Kasar</u> RM'000	<u>Insurans semula</u> RM'000	<u>Bersih</u> RM'000
(ii) Liabiliti premium						
Pada 1 Januari	300,086	(60,650)	239,436	305,465	(65,763)	239,702
Premium diunderait pada tahun (Nota 19(a))	782,499	(153,985)	628,514	687,937	(126,694)	561,243
Premium diperoleh sepanjang tahun (Nota 19(a))	(745,126)	149,442	(595,684)	(693,316)	131,807	(561,509)
Pada 31 Disember	<u>337,459</u>	<u>(65,193)</u>	<u>272,266</u>	<u>300,086</u>	<u>(60,650)</u>	<u>239,436</u>

**TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)**

14 CUKAI TERTUNDA

Cukai aset dan liabiliti tertunda diimbangi apabila wujud hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangi aset cukai semasa dengan liabiliti cukai dan apabila cukai tertunda ada kaitan dengan pihak berkuasa cukai yang sama.

(a) Baki cukai tertunda Syarikat selepas diimbangi sewajarnya adalah seperti berikut:

	<u>2011</u> RM'000	<u>2010</u> RM'000
Liabiliti cukai tertunda	<u>(6,290)</u>	<u>(5,850)</u>
<u>Tertakluk pada cukai pendapatan:</u>		
Aset cukai tertunda (sebelum imbangan)		
- Belum terima	3,951	3,519
- Aset kewangan pada HTM	194	157
- Aset kewangan pada FVTPL	84	-
	<u>4,229</u>	<u>3,676</u>
Imbangan	<u>(4,229)</u>	<u>(3,676)</u>
Aset cukai tertunda (selepas imbangan)	<u>-</u>	<u>-</u>
Liabiliti cukai tertunda (sebelum imbangan)		
- Harta, loji dan peralatan	2,171	1,736
- Liabiliti premium	1,090	1,004
- Aset kewangan pada AFS	2,779	2,199
- Aset kewangan pada FVTPL	4,479	4,587
	<u>10,519</u>	<u>9,526</u>
Imbangan	<u>(4,229)</u>	<u>(3,676)</u>
Liabiliti cukai tertunda (selepas imbangan)	<u>6,290</u>	<u>5,850</u>

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)

14 CUKAI TERTUNDA (SAMBUNGAN)

(b) Pergerakan dalam baki cukai tertunda sepanjang tahun adalah seperti berikut:

	<u>2011</u> RM'000	<u>2010</u> RM'000
Pada 1 Januari	(5,850)	(1,672)
Dikredit/(dica) kepada penyata pendapatan (Nota 24)		
- Belum terima	432	(813)
- Harta, loji dan peralatan	(435)	(772)
- Liabiliti premium	(86)	(355)
- Aset kewangan pada FVTPL	192	(2,205)
- Aset kewangan pada HTM	37	73
	<u>140</u>	<u>(4,072)</u>
Dica kepada ekuiti :		
- Aset kewangan pada AFS	<u>(580)</u>	<u>(106)</u>
Jumlah pergerakan bagi tahun	<u>(440)</u>	<u>(4,178)</u>
Pada 31 Disember	<u>(6,290)</u>	<u>(5,850)</u>

15 LIABILITI KEWANGAN LAIN

Deposit diterima daripada penanggung insurans semula	<u>10,865</u>	<u>1,393</u>
--	---------------	--------------

Amaun yang dibawa yang didedahkan di atas adalah lebih kurang nilai saksamanya pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Semua amaun perlu dibayar dalam tempoh setahun.

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)

16 INSURANS BELUM BAYAR

	<u>2011</u> RM'000	<u>2010</u> RM'000
Kena dibayar kepada ejen dan pengantara	31,880	41,412
Kena dibayar kepada penanggung insurans semula dan penerima sid	37,656	36,418
	<u>69,536</u>	<u>77,830</u>

Amaun yang dibawa yang didedahkan di atas adalah lebih kurang nilai saksamanya pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Semua amaun perlu dibayar dalam tempoh setahun.

17 BELUM BAYAR LAIN

	<u>2011</u> RM'000	<u>2010</u> RM'000
Cagaran tunai dipegang sebagai bon kontrak	4,313	312
Liabiliti gaji	11,418	10,925
Belum bayar lain dan perbelanjaan terakru	23,155	28,715
	<u>38,886</u>	<u>39,952</u>

Amaun yang dibawa yang didedahkan di atas adalah lebih kurang nilai saksamanya pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

18 HASIL KENDALIAN

	<u>2011</u> RM'000	<u>2010</u> RM'000
Premium terperoleh kasar (Nota 19(a))	745,126	693,316
Pendapatan pelaburan (Nota 20)	41,522	36,885
	<u>786,648</u>	<u>730,201</u>

No. Syarikat

149520

U

TOKIO MARINE INSURANS (MALAYSIA) BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

NOTA PADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2011 (SAMBUNGAN)

19 PREMIUM TERPEROLEH BERSIH

	<u>2011</u> RM'000	<u>2010</u> RM'000
(a) Premium terperoleh bersih		
Kontrak insurans	782,499	687,937
Perubahan dalam liabiliti premium kasar	<u>(37,373)</u>	<u>5,379</u>
	<u>745,126</u>	<u>693,316</u>
(b) Premium tersid		
Kontrak insurans	(153,985)	(126,694)
Perubahan dalam liabiliti premium kasar	<u>4,543</u>	<u>(5,113)</u>
	<u>(149,442)</u>	<u>(131,807)</u>
Premium terperoleh bersih	<u>595,684</u>	<u>561,509</u>

20 PENDAPATAN PELABURAN

	<u>2011</u> RM'000	<u>2010</u> RM'000
Aset kewangan FVTPL:		
Pendapatan dividen		
